

Jilid III  
Bil. 41



Hari Khamis  
7hb November, 1985

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**

*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti Y.B. Dato' Dr Hee Tien Lai—Kebenaran [Ruangan 6553]

**JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6553]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6596]

**USUL:**

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6596]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P, S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.s.M., s.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADA'WI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepata Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, . DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbaian Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Ptlah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parliaraen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P. D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N., (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK Krr (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukad).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., **J.P.**  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (**Mas** Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ \* TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz,

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyuntmg Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pem berita*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 7hb November, 1985**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

Cuti Y.B. Dato' Dr Hee Tien Lai—Kebenaran

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah dibenkan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Dr Hee Tien Lai, Ahli bagi Kawasan Air Hitam dari 12hb November hingga 6hb Disember, 1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**UDA—LAWATAN SAMBIL  
BELAJAR**

**1. Puan Hajjah Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah wajar dengan keadaan kemerosotan ekonomi sekarang menghantarkan

pegawai-pegawainya berkursus di luar negeri seperti UDA.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, Lawatan Sambil Belajar ke luar negen seperti yang telah diaturkan oleh UDA untuk pegawai-pegawainya adalah merupakan satu program latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai di bidang pembangunan hartanah melalui pendedahan kepada idea-idea dan kaedah-kaedah baru.

Secara khususnya Lawatan Sambil Belajar itu telah diatur bagi mencapai matlamat-matlamat yang berikut:

- (1) mendapatkan pendedahan terhadap pemikiran di bidang rekabentuk, penyediaan kemudahan, dengan izin, pedestrian mall, seni taman, dan penjimatan kos dalam pembinaan;
- (2) mendapatkan pendedahan kepada konsep-konsep dan teknik-teknik baru pemasaran hartanah;
- (3) mendapatkan pendedahan di bidang pengurusan dan penyenggaraan hartanah; dan
- (4) mengkaji kaedah-kaedah pembiayaan projek.

Pengetahuan dan pengalaman yang dapat dikumpulkan dari lawatan itu akan dapat membantu UDA dalam melaksanakan projek-projek

perumahan dan komersial Bandar Baru Tampoi, Lot 81, Sinar Kota dan lain-lain lagi yang sedang dalam pembinaan. Nyatalah usaha yang dijalankan oleh UDA ini adalah bertujuan meningkatkan prestasinya dalam keadaan kemerosotan ekonomi sekarang.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa bukan sahaja UDA tetapi agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam membuat Lawatan Sambil Belajar ataupun kursus pendek di luar negeri ini banyak merupakan makan angin daripada mendapat ilmu pengetahuan sebagaimana yang disebutkan tadi. Jadi jika sedar, apakah, pohon izin, feedback yang didapati daripada kursus-kursus tersebut dan bagaimanakah cara pihak Kementerian ini menilaikan kejayaan hasil daripada kursus pendek yang mereka pergi itu, tidak sebagaimana yang saya sebutkan mula-mula tadi.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapatnya Lawatan-lawatan Sambil Belajar sepertimana yang telah saya sebutkan melalui Perbadanan UDA sekejap tadi. Walau bagaimanapun, saya tidak sedar sama ada kursus ataupun Lawatan Sambil Belajar yang berkenaan itu dianggapkan sebagai makan angin.

Mengenai feedback yang kita dapati, kita memang mendapat feedback ataupun maklumbalas daripada pegawai-pegawai yang membuat lawatan paling tidak apabila kita mengadakan mesyuarat-mesyuarat dengan ketua-ketua Eksekutif badan-badan berkenaan paling kurang dalam masa 3 bulan sekali.

Mengenai perkara yang lebih detail saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat memaklumkan kerana mungkin saya perlukan notis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana untuk kali yang pertama saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Pasir Puteh bahawa Lawatan Sambil Belajar sebenarnya Lawatan Sambil Makan Angin. Adakah UDA akan memberhentikan semua lawatan-lawatan ini, khasnya dalam masa sekarang menghadapi keadaan kemerosotan ekonomi dan oleh kerana semenjak penubuhan UDA tahun 1971, begitu banyak lawatan-lawatan untuk pegawai-pegawai UDA ke luar negeri pun tidak boleh mencegah kerugian-kerugian besar dialami oleh UDA di mana dalam 10 tahun pertama iaitu daripada 1971 ke tahun 1982, UDA menghadapi kerugian accumulated atau terkumpul lebih \$100 juta. Ini menunjukkan bahawa semua lawatan-lawatan ini hanyalah menambahkan jumlah kerugian sahaja dan bolehkah di sini kita dapat satu penjelasan apakah tindakan diambil oleh Kementerian berkenaan atau oleh UDA supaya mengurangkan perbelanjaan oleh UDA, khasnya apa yang terhasil daripada kajian yang dibuat, kalau saya tidak silap, oleh Arab-Malaysian Merchant Banking supaya ada satu penyusunan atau restructuring UDA untuk menjadi satu institusi yang viable dan bukan sabaja untuk membazir wang semacam Lawatan Sambil Makan Angin.

**Tuan Hussein bin Mahmud;** Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukurlah sekurang-kurangnya pada hari ini Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Mengenai sama ada lawatan itu merupakan lawatan sambil belajar atau tidak atau lawatan-lawatan yang pernah dibuat

oleh pegawai-pegawai UDA merupakan lawatan-lawatan makan angin dan yang mungkin membawa kerugian pada keseluruhannya, ini adalah merupakan satu pentafsiran daripada pihak yang berkenaan.

Mengenai sama ada kita akan meneruskan Lawatan-lawatan Sambil Belajar ini ianya terpulanglah kepada beberapa faktor, umpamanya kepada keperluan semasa dan di samping itu kita juga sebagai agensi Kerajaan, saya maksudkan UDA juga sebagai agensi Kerajaan, UDA adalah sangat menyedari tentang keadaan ekonomi negara pada hari ini dan insya Allah perkara ini akan diambil kira dan bahkan telah diambil kira dalam semua gerak kerja yang dijalankan oleh UDA setakat ini.

Mengenai satu kajian yang dibuat oleh Arab-Malaysian Merchant Bank sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak mempunyai butir-butirnya di sini. Dengan hal yang demikian, saya memohon notis.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya memdapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, berapa banyakkah lawatan yang dibuat oleh pihak pegawai UDA ini dan negeri mana yang diadakan kursus itu. Yang kedua, berapakah kos atau perbelanjaan yang ditanggung di atas lawatan dan kursus tersebut di luar negeri.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan saya membawa angka-angkanya di sini. Kalau dapat saya kira, saya mempunyai angka mulai tahun 1980 sehingga 1985—9 lawatan.

Negeri-negeri atau negara-negara itu ialah Indonesia, Australia, Jepun, Korea, Filipina, Singapura, Singapura, Australia, Singapura, Amerika Syarikat dan Eropah. Saya

sebutkan Singapura tiga kali, oleh kerana tiga kali lawatan dibuat ke Singapura daripada tiga lawatan yang berkenaan.

Jumlah perbelanjaan ialah sebanyak \$123,596.15 dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, semua perbelanjaan ini ditanggung oleh anak-anak syarikat UDA dan tidak oleh UDA sendiri.

## MAJLIS FATWA

**2. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan berapa kali Majlis Fatwa telah bersidang dan apakah perkara-perkara yang telah dibincangkan serta rumusan-rumusan yang telah diambil dalam persidangan tersebut mengenai perkara-perkara yang mengelirukan umat Islam di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, sejak daripada majlis ini ditubuhkan dalam tahun 1970 sebanyak 32 kali mesyuarat telah diadakan dan oleh kerana soalan ini memerlukan jawapan yang sangat panjang, saya pohon izin untuk memberi jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Tuan Yang di-Pertua, setahu kita badan-badan yang bertanggungjawab mengeluarkan fatwa ini ialah Mufti-mufti di negeri-negeri dan Badan Fatwa. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar adanya badan-badan yang bukan tugasnya mengeluarkan fatwa tetapi mengeluarkan fatwa dan ini mengelirukan orang ramai terutama ofang Islam. Sebagai contoh, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) senantiasanya mengeluarkan fatwa bahawa berbagai-bagai jenis makanan

yang disenarikan ini haram dimakan oleh orang-orang Islam.

Yang kedua, badan-badan politik di mana mengeluarkan fatwa sembelihan orang itu tidak boleh dimakan, haram dan sebagainya. Kejadian ini kalau tidak dicegah akan mengelirukan orang-orang Islam dan akan membangkitkan perasaan bermusuhan dan pecah belah. Kalau sedar, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mencegah dan menghalang daripada perkara ini berulang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada kaitannya.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua sendiri mengizinkan soalan itu diberi, maka bolehlah saya menjawab walaupun ia tidak merupakan sebahagian daripada soalan yang terkandung di dalam soalan asal. Soalan yang asal itu akan saya jawab secara bertulis.

Mengenai perkara yang pertama, memang sekiranya terdapat ada orang bercakap bahawa apa yang dikatakannya itu sekiranya berkaitan dengan Islam dikatakan fatwa tetapi pada pandangan pihak Kerajaan sendiri ia sebenarnya bukanlah fatwa, kerana fatwa itu hanyalah yang diberikan oleh Mufti yang dilantik sahaja. Perkara ini menjadi satu kekeliruan kerana terdapat golongan-golongan yang tidak berapa jelas mengenai dengan fatwa sendiri kerana mereka menganggap bahawa pendapat yang diberikan oleh orang perseorangan pun kadang-kadang dianggap sebagai fatwa juga. Kadang-kadang ada orang yang cuba atau ingin menjadi Mufti tetapi mereka tidak pernah memohon kepada Kerajaan untuk menjadi Mufti dan mereka mengatakan yang pendapatnya itu adalah fatwa atau dikatakan fatwa oleh orang-orang yang barangkali

berminat untuk menjadi Mufti tetapi mereka tidak diterima atau masa interview mereka tidak berjaya.

Mengenai dengan badan-badan seperti CAP, CAP ini juga pernah memberi pendapat. Tetapi pada pandangan kita sebenarnya itu tidaklah merupakan fatwa dan saya telah membuat satu kenyataan bahawa tidak seharusnya dan tidak boleh sama sekali pihak yang tertentu lebih-lebih lagi bila bercakap mengenai halal haram, mereka tidak boleh menyebutkan perkara-perkara yang boleh mengelirukan masyarakat kerana itu boleh memecah belahkan masyarakat Islam dan menjadi keliru dan alhamdulillah nampaknya selepas daripada kenyataan itu dibuat nampaknya tidak ada lagi atau kurang sedikit keadaan itu dan kita harap perkara ini akan mendapat perhatian daripada Majlis-majlis Agama Negeri-negeri kerana pihak Pusat hanya menyelaraskan. Majlis Agama Negeri boleh bertindak sekiranya mereka dapati ada pihak yang mengeluarkan fatwa atas nama badan-badan tertentu sedangkan yang sebenarnya ia tidaklah merupakan fatwa. Usaha-usaha yang dibuat untuk menghentikan perkara ini ialah dengan cara penyelarasan di antara pihak Negeri-negeri dan juga pihak Pusat Islam Malaysia.

### KOPERASI DAN NILAI HARTA TERKUMPUL

**3, Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa banyakkah jumlah bilangan koperasi-koperasi yang terdapat di dalam negara ini dan berapakah pula jumlah nilai harta yang terkumpul;
- (b) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberikan

kemudahan-kemudahan tertentu sebagai perangsang kepada koperasi-koperasi yang berjaya dan maju sebagai langkah galakan dan penghargaan; dan

- (c) berapakah pula jumlah koperasi-koperasi yang kurang maju dan ditutup sehingga kini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Jumlah koperasi-koperasi yang mendaftar di seluruh negara hingga akhir tahun lalu iaitu tahun 1984 adalah sebanyak 2,395 buah, dan jumlah nilai harta yang terkumpul ialah \$4,728,623,543.00;
- (b) Pihak Kerajaan bukan sahaja bercadang malah telah pun memberikan beberapa kemudahan dan keistimewaan kepada koperasi-koperasi yang berjaya dan maju, seperti bantuan pinjaman dengan dikenakan kadar faedah yang rendah supaya koperasi-koperasi itu berupaya melaksanakan projek-projek yang viable yang boleh meninggikan taraf sosio ekonomi ahli-ahlinya dan juga rakyat setempat; dan
- (c) Pada amnya 10% daripada 2,395 buah koperasi tersebut yang kurang maju tetapi masih boleh diperbaiki perjalanannya. Daripada tahun 1981 hingga 30-9-1985 sahaja, sebanyak 182 buah koperasi telah ditutup ataupun dibatal pendaftarannya.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa banyak koperasi yang telah ditutup. Apakah sebab-sebabnya koperasi itu ditutup?

Yang kedua, memang ada keistimewaan yang diberikan kepada koperasi-koperasi yang maju. Jadi saya ingin tahu kepada koperasi yang kurang maju apakah galakan-galakan atau langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memajukan koperasi yang tidak maju.

Daripada jumlah koperasi yang ditutup tadi berapakah jumlah koperasi yang ditutup kerana penyelewengan oleh Lembaga Pengarah atau pegawai-pegawai koperasi sendiri?

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor-faktor yang membolehkan koperasi-koperasi yang tidak maju ditutup dan dibatalkan pendaftarannya mengikut Akta Koperasi adalah berpunca dari beberapa perkara termasuk tidak menjalankan apa-apa aktiviti, tidak memanggil mesyuarat agung dan juga tidak mempunyai ahli atau modal yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan.

Yang ketiganya, saya memohon notis untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat oleh kerana saya tidak ada angka-angka yang tepat.

Soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua tadi, koperasi-koperasi yang maju ini memanglah mendapat bantuan begitu juga dengan koperasi-koperasi yang tidak maju. Walau bagaimanapun koperasi-koperasi yang tidak maju ini pihak Jabatan Pembangunan Koperasi sentiasa mengawasinya. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tabung yang diadakan untuk

membantu koperasi-koperasi yang maju dan juga yang tidak maju.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya daripada tabung yang ada sekarang berapa peratus telah digunakan untuk memberi bantuan kepada koperasi yang kurang maju? Soalan yang kedua, dalam Akta-akta yang ada sekarang mengenai pengurusan koperasi-koperasi di negara kita, Pendaftar Koperasi mempunyai kuasa yang luas untuk mengawal dengan ketat aktiviti-aktiviti koperasi itu. Rakyat memang menghargai hasrat Kerajaan untuk melindungi kepentingan ahli-ahli koperasi itu. Tetapi soalan saya ialah jikalau kawalan yang terlalu ketat ini dijalankan adakah ini satu keadaan yang akan membunuh inisiatif kepada golongan pemimpin-pemimpin koperasi-koperasi ini?

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, kita mengadakan satu tabung kewangan untuk membantu koperasi-koperasi. Tabung ini dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Sehingga akhir tahun 1984 pinjaman sebanyak \$22,729,000 telah dikeluarkan kepada 88 buah koperasi di seluruh negara.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua, kita mengetahui bahawa Pendaftar mempunyai kuasa-kuasa yang ketat. Kita memberi kuasa-kuasa ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk memastikan bahawa perjalanan koperasi di seluruh negara ini dapat dikawal dan diawasi supaya tidak akan terdapat penyelewengan-penyelewengan oleh pihak Lembaga Pengarah koperasi-koperasi tersebut.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat

Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa Jabatan Pembangunan Koperasi telah dan sedang memberikan kemudahan-kemudahan kepada koperasi-koperasi yang wujud di dalam negara ini sebagai insentif kepada koperasi-koperasi tersebut untuk terus bergerak maju bagi kepentingan ahli-ahli koperasi. Soalan saya, saya ingin tahu apakah dasar yang dikenakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi ke atas pemberian bantuan dan perangsang kepada koperasi-koperasi yang berjaya dan maju sebagai langkah galakkan dan penghargaan kepada koperasi-koperasi tersebut?

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya kepada soalan asal tadi ialah koperasi yang maju dan berjaya akan diberi bantuan dan pinjaman oleh Jabatan Pembangunan Koperasi dan faedah yang dikenakan adalah di antara 1% hingga 6% setahun dan pinjaman berkenaan hendaklah dibayar dalam tempoh selama satu hingga sepuluh tahun.

Manakala syarat-syarat pinjaman yang lain, Tuan Yang di-Pertua, adalah seperti berikut:

- (1) sebahagian daripada Lembaga Pengarah koperasi hendaklah mendapat latihan daripada Maktab Kerjasama Malaysia;
- (2) koperasi hendaklah mempunyai pengurusan yang baik;
- (3) koperasi mempunyai potensi untuk berkembang; dan
- (4) koperasi mengalami kesulitan modal.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukuplah, mengenai koperasi.

### BEKALAN ELEKTRIK DI PEKAN TAWAR

**4. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah BELB dapat memberi perkhidmatan 24 jam di Pekan Tawar dan di kawasan sekitarnya.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bekalan elektrik secara 24 jam di Pekan Tawar dan kawasan sekitarnya akan diperolehi apabila siapnya projek mini-hidro Sg. Tawar Besar yang dijangka siap pada akhir tahun 1986 atau selewat-lewatnya awal tahun 1987.

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa buah pekan di Malaysia Barat yang masih belum mendapat bekalan elektrik daripada LLN dan berapa buah pekan yang mendapat bekalan elektrik hanya 12 jam sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan ini adalah soalan yang asal dan khusus, jadi soalan tambahan tidak berkait.

### PENYELIDIKAN INDUSTRI GETAH/KELAPA SAWIT/ BUIH TIMAH

**5. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah jumlah penyelidikan yang telah dijalankan bagi pengeluaran-pengeluaran utama Malaysia seperti—
- (i) Kelapa Sawit;
  - (ii) Getah; dan
  - (iii) bijih;

(b) adakah benar kajian-kajian itu telah mencapai kejayaan cemerlang; dan

(c) adakah benar terdapat banyak kajian-kajian terutama dari segi "benih" telah pun diberikan kepada negara-negara lain yang mana akan menjadi saingan dalam pengeluaran barang-barang tersebut. Apakah Kerajaan tidak sedar bahawa dasar Kerajaan kita yang terbuka ini akan merugikan kita.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab,

(a) Jumlah penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) untuk minyak kelapa sawit ialah sebanyak 135, manakala bagi getah pula program penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia ialah sebanyak 70 program utama dan bagi bijih timah jumlah penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Galian Malaysia ialah 8 dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Timah Asia Tenggara (SEATRAD) ialah 8. Sementara yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) dalam aspek kegunaan akhir timah ialah sebanyak 31 program.

(b) Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pusat-pusat penyelidikan di Malaysia dalam industri getah, kelapa sawit dan bijih timah pada hemat saya telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Walau bagaimanapun lebih banyak

usaha haruslah dibuat untuk mengurangkan kos pengeluaran dalam industri kelapa sawit dan getah dan mencari lebih banyak lagi kegunaan akhir barangan utama kita. Usaha-usaha ini termasuklah penyelidikan dalam mencari benih-benih yang lebih baik yang mempunyai hasil yang lebih tinggi, tempoh matang yang lebih pendek, mengurangkan keperluan buruh di samping membantu dalam pemindahan teknologi untuk pengeluaran-pengeluar dan memberi sokongan kepada kemajuan perindustrian yang berasaskan kepada barangan utama tersebut.

- (c) Kerajaan sememangnya sedar bahawa hasil-hasil daripada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan mestilah diberikan terlebih dahulu kepada pengeluaran-pengeluar kita bagi memajukan teknologi dalam industri barangan utama. Maklumat-maklumat mengenai kajian-kajian yang hendak dibuat sama ada dari segi biji benih ataupun bidang-bidang lain telah diberikan kepada negara-negara lain atas tujuan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan teknikal oleh kerana Malaysia juga menikmati faedah-faedah dari kerjasama seperti ini.

Ini adalah kerana penemuan penyelidikan dan kajian tidak hanya terhad kepada Malaysia sahaja. Pada masa yang sama maklumat-maklumat mengenai penyelidikan dan pembangunan juga telah disebarkan untuk meningkatkan lagi imej Malaysia dan menarik pelaburan asing dan juga menggalakkan pembelian barangan utama Malaysia dengan menentukan supaya Malaysia boleh

dianggap sebagai pembekal barangan utama yang mempunyai kualiti yang baik dan sesuai untuk memenuhi kehendak-kehendak yang khusus pemerosesan dan pengilangan barangan utama Malaysia, usaha-usaha ini adalah perlu untuk menghadapi persaingan dalam pasaran barangan utama dunia.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini sejauh manakah hasil penyelidikan disebarkan kepada orang ramai dan bagaimanakah penerimaan orang ramai mengenai hasil penyelidikan ini? Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian beliau telah pun menemui satu "cara baru" untuk menoreh getah iaitu dengan cara torchan cocok. Jadi saya ingin tahu apakah terjadi dengan penemuan ini sama ada ianya diperkenalkan di ladang-ladang ataupun di kebun-kebun getah ataupun ianya tinggal begitu sahaja? Terima kasih.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli-ahli Pengarah Badan-badan Penyelidikan ini adalah terdiri daripada pihak pegawai Kerajaan juga daripada pihak-pihak swasta dan juga diri-diri perseorangan seperti daripada persatuan-persatuan pekebun-pekebun besar atau estet dan juga terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Pekebun-pekebun Kecil. Jadi segala penyelidikan awal dan juga hasilnya diketahui oleh anggota-anggota tersebut untuk mereka menyampaikan kepada ahli-ahli mereka supaya segala hasil penyelidikan ini dapat dipergunakan dengan begitu luas oleh estet-estet juga peladang-peladang kecil.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah beliau

sedar bahawa bantuan teknikal dan benih yang diberikah kepada negara-negara Thailand dan Indonesia adalah suatu langkah yang tidak begitu bijaksana kerana memandangkan bahawa negara-negara tersebut adalah mempunyai tenaga buruh yang murah. Apabila mereka ini telah mencapai tingkat teknologi yang tinggi dalam pengeluaran, maka nyatalah bahawa negara-negara ini akan dapat mengeluarkan hasil yang murah daripada yang dikeluarkan oleh negara Malaysia. Maka di situ akan berlaku permintaan terhadap hasil minyak sawit dan getah Malaysia akan berkurangan kerana terdapat penawaran yang lebih murah daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, segala benih-benih barangan utama negara kita jika hendak dihantar ke negara luar bukan sahaja mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian Perusahaan Utama juga Kementerian Pertanian, tetapi mesti mendapat kelulusan Kabinet. Dengan sebab itu segala pemindahan benih-benih ke negara-negara lain adalah setelah dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh pihak Kabinet untung ruginya bagi negara kita.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan negara-negara yang telah menerima pemindahan teknologi kita dan benih-benih dari negara kita ini, pernahkah mereka menawarkan kepada Kerajaan negara Malaysia atau badan-badan swasta di Malaysia untuk melaburkan dalam perusahaan-perusahaan utama di negara mereka itu? Dan adakah langkah-langkah yang lain untuk mempereratkan lagi kerjasama ekonomi dan dagangan di antara dua negara ini? Terima kasih.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:**

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan yang rapat antara negara kita dengan Britain kerana kita mempunyai Pusat Penyelidikan Getah dan Kelapa Sawit juga di Britain. Dari segi perhubungan antar dua negara ini sungguhpun wujud pertukaran benih dan sebagainya, benar-benar memberi keuntungan yang besar kepada negara kita kerana Pusat Penyelidikan kita yang ada di Britain itu telah dapat memberi maklumat yang begitu luas kepada saudagar-saudagar atau para-para pelabur asing yang di seluruh Eropah dan kebanyakkan mereka ini setelah mendapat maklumat yang jelas daripada Pusat Penyelidikan kita di Britain itu telah datang ke negara ini untuk menanam modal ataupun melabur dalam beberapa industri yang bersangkutan-paut dengan barangan utama kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan 5 (a) ialah mengenai penyelidikan bagi pengeluar-pengeluar barangan utama Malaysia, soalan saya ialah adakah antara penyelidikan yang dibuat mengenai rancangan-rancangan yang contingency yang boleh diambil apabila negara menghadapi krisis seperti sekarang mengenai pasaran timah? Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan keadaan sekarang. apa pendirian Malaysia, option yang ada mengenai krisis ini di mana Bursa Logam London atau London Metal Exchange sudah bankrap dan Pengurus Besar Stok Penimbang tidak boleh lagi membeli oleh kerana sudah hutang hampir \$1.5 bilion. Adakah Kerajaan akan membbang desakan-desakan perusahaan timah tempatan yang mahu Malaysia menarik keluar daripada Majlis Timah Antarabangsa. Dan yang lebih mustahak, adakah satu penyelidikan dibuat sama ada apa akan berlaku, sama ada kemungkinan bahawa stok penimbang untuk getah pun boleh menghadapi krisis semacam ini apabila Pengurus Besar stok

penimbal untuk getah tidak pun boleh membeli kerana bankrap disebabkan masalah kekurangan kewangan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan asal berasaskan penyelidikan dan kajian atau research and development. Soalan tambahan tadi hampir keseluruhannya adalah menyentuh pemasaran atau marketing, tetapi ada disentuh tentang market research sedikit. Terpulanglah kepada Yang Berhormat sama ada hendak menjawab atau tidak.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian apabila wujud masalah timah ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas dan sekarang dalam proses pengkajian yang mendalam. Oleh sebab dalam proses maka kita tunggulah apa hasilnya.

Perkara yang kedua, daripada akibat berlaku di atas stok penimbal timah ini, maka Kementerian Perusahaan Utama khasnya telah mengadakan satu mesyuarat khas kepada semua bahagian-bahagian dalam Kementerian yang bersabit dengan kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya untuk membuat satu kajian yang mendalam apakah tindakan-tindakan yang diambil ataupun apakah kegiatan-kegiatan susulan yang harus kita ambil apabila perkara ini beriak dan kajian ini kemungkinan besar akan dibawa kepada Kabinet untuk diperbincangkan.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, memandangkan begitu banyak penyelidikan yang telah dibuat oleh pihak Kementerian, jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan berapa banyakkah perbelanjaan yang telah digunakan oleh Kerajaan atau Kementerian

untuk membuat penyelidikan yang telah dijalankan sepanjang yang telah diterangkan tadi?

Yang keduanya, hasil daripada penyelidikan getah asli, Yang Berhormat ada menerangkan satu daripadanya ialah untuk mendapatkan hasil yang lebih bermutu, tetapi kalau sekiranya hasil untuk dijual, untuk dieksport tidak begitu menggalakkan sudah tentulah pengeluaran yang bertambah akan menimbulkan lagi masalah kepada negara. Jadi adakah pihak Kementerian di dalam penyelidikan yang dilakukan itu berusaha untuk melahir ataupun mendapatkan bahan-bahan lain daripada getah ini selain daripada membuat tayar yang boleh diproses dalam negara kita, misalnya seperti hendak membuat bumper untuk Proton Saga dan sebagainya?

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memberitahu bahawa dalam penyelidikan getah kita telah membelanjakan sebanyak \$267.9 juta, kelapa sawit \$120.9 juta dan bijih timah- \$142.2 juta. Dalam hal penyelidikan getah untuk menemui barang-barang baru, selain daripada barang-barang tradisional yang seringkali kita ketahui, memang ada satu program khas yang dipanggil eksploitasi kegunaan getah ini diwujudkan di Pusat Penyelidikan Getah Malaysia yang senantiasa mencari barang-barang baru daripada kegunaan getah.

#### LAWATAN Pengerusi PERIKATAN MUJAHIDIN AFGHANISTAN KE MALAYSIA

**6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) apakah suatu pencapaian yang telah diambil antara Kerajaan

Malaysia dengan Ketua dan dengan yang berkenaan Mujahidin Afghanistan berikutan dengan lawatan rombongannya ke Malaysia baru-baru ini; dan

- (b) dengan adanya Kerajaan Malaysia memberi peluang Mujahidin Afghanistan mengadakan markasnya di negara Malaysia adakah memberi erti bahawa Malaysia sebagai sebuah negara perlindungan bagi Mujahidin Afghanistan ataupun apakah gambaran yang sebenarnya terhadap pandangan dunia asing terhadap Malaysia dalam perkara ini, adakah Malaysia sebagai negara yang ulung sekali bagi mewujudkan markas bagi Mujahidin Afghanistan di rantau Asia ini, adakah Kerajaan bercadang akan menghantar tentera-tentera kita bagi membantu Mujahidin Afghanistan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, lawatan Pengerusi Perikatan Mujahidin Afghanistan ke Malaysia dalam bulan September lalu bolehlah dilihat dari segi sikap kita terhadap perjuangan Mujahidin Afghanistan. Sebagaimana yang kita sedia maklum keadaan yang dialami oleh Afghanistan akibat dari pencerobohan Russta ada satu trajidi yang amat menyedihkan yang menimpa sebuah negara Islam yang kecil dan lemah. Keadaan seumpama ini jika sekiranya dibiarkan akan menjadikan negara-negara kecil tidak selamat dan senantiasa terancam oleh pencerobohan kuasa-kuasa besar.

Malaysia bersimpati dengan nasib rakyat Afghanistan serta menyokong sepenuhnya akan perjuangan mereka menentang penjajahan Russia. Sebagai tanda sokongan kita yang

tegas terhadap perjuangan mereka ini kita telah membenarkan mereka membuka Pejabat Penerangannya di Kuala Lumpur.

Lawatan Pengerusi Perikatan Mujahidin Afghanistan, Tuan Gulhuddin Heqmatiah ke Malaysia adalah untuk menerangkan kepada rakyat negara ini mengenai perjuangan puak Mujahidin dalam menentang penjajahan Russia. Kita merasa kagum dengan semangat mereka yang tinggi serta kesanggupan mereka menentang sebuah kuasa besar yang lengkap dengan senjata moden yang mencero bohi negara mereka.

Pemimpin Mujahidin memberi penghargaan yang tinggi di atas sokongan kita yang positif kepada perjuangan mereka. Sempena lawatan ini juga telah diadakan perasmian pejabat Mujahidin yang baru di Kuala Lumpur.

Menyentuh bahagian (b) pula dalam soalan ini, saya ingin menjelaskan di sini bahawa pejabat Mujahidin di Kuala Lumpur itu bukanlah merupakan markas atau ibu pejabat perjuangan mereka, ia hanyalah sebuah Pejabat Penerangan sahaja. Dengan membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka Pejabat Penerangannya di Malaysia, ianya tidak akan menjadikan kita sebagai negara pelindung kepada mereka. Penubuhan pejabat ini adalah selaras dengan amalan antarabangsa bagi membolehkan pertubuhan Mujahidin memberi penerangan mengenai perjuangannya. Kita tidak bercadang untuk menghantar tentera kita ke Afghanistan bagi membantu pejuang-pejuang Mujahidin tersebut.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya Timbalan Menteri Luar Negeri, kita Malaysia menyokong Afghanistan

secara terang, ada negara-negara di dunia ini menyokong Afghanistan secara diam-diam. Sebelum Kerajaan mengambil keputusan membuat sokongan secara terang ini adakah kita sanggup sebarang ancaman daripada negara seteru Afghanistan, makna kita sanggup semua ancaman-ancaman sekiranya bagi pihak negara seteru kepada Afghanistan ini mengancam kita. Contoh, sebagaimana berlaku Israel ke Tunis, kedutaan ataupun markas Palestin di Tunis dibom oleh Israel. Kita Malaysia menyokong Afghanistan dengan secara terang ini, maka ancaman-ancaman daripada negara seteru kepada Afghanistan ini adakah kita bersedia, sanggup atau itu belum kita fikirkan lagi?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, segala pertolongan kepada perjuangan-perjuangan seperti yang kita bincangkan ini sudah tentu ada risikonya, tetapi syukur alhamdulillah, setakat ini kita tidak mendapat sebarang ancaman dari mana-mana puak.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Luar Negeri apakah perwakilan Mujahidin yang datang baru-baru ini mewakili semua gerakan perjuangan Mujahidin di Afghanistan ataupun hanya satu kumpulan sahaja kerana terdapat gerakan Mujahidin di sana bermacam-macam kumpulan pejuang-pejuang?

Yang kedua, supaya rakyat Malaysia mendapat gambaran yang lebih jelas tentang gerakan perjuangan Mujahidin Afghanistan itu, apakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk menghantar rombongan wartawan Malaysia ke garis sempadan ataupun di medan perang gerila-gerila Mujahidin?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai puak Mujahidin di Afghanistan telah pun disatukan dalam satu persatuan beberapa bulan dahulu dan mereka bergilir untuk menjadi pemimpin persatuan yang telah digabungkan itu dan buat masa ini Gulhuddin Heqmatiah itu adalah Pengerusi Persatuan Induk yang telah digabungkan tadi.

Tentang cadangan menghantar wartawan akhbar-akhbar kita ke sempadan supaya penerangan yang lebih luar dapat diberi kepada rakyat Malaysia, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa akhbar-akhbar kita ini semuanya adalah akhbar-akhbar bebas dan kita tidaklah boleh mengarahkan mereka membuat sesuatu. Namun demikian, saya rasa sudah pun ada beberapa akhbar yang telah pun menghantar wartawan mereka ke sempadan untuk membuat liputan secara langsung, misalnya Utusan Malaysia dan Utusan Melayu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan ini akan mendapat sokongan juga daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa Kerajaan yang wujud di Afghanistan sekarang ialah boneka daripada Russia ataupun penjajahan. Jadi, adakah pernah kita berbincang ataupun pernah berjumpa dengan perwakilan Russia sendiri semasa persidangan di PBB ataupun persidangan di tempat-tempat lain di negeri luar membincangkan masalah kedudukan negara Afghanistan ini sendiri dan apakah maksud yang sebenarnya campurtangan dan juga pencerobohan Russia ini terhadap Kerajaan Islam Afghanistan yang dicerobohkan sekarang ini?

Yang kedua, dengan sokongan yang kita beri kepada perjuangan

Afghanistan ini adakah kita mendapat tahniah ataupun surat sokongan daripada Parti PAS kita?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan hampir kesemua perbincangan-perbincangan kita dengan Russia itu soal Afghanistan ini kita bangkitkan dan kita menekankan tentang keperluan satu penyelesaian politik dicapai mengenai soal ini dan tentera Russia diundurkan dari negara itu sepanjang masa, termasuk juga semasa Timbalan Perdana Menteri Russia melawat Malaysia baru-baru ini.

Tentang soal di atas sokongan kita yang begitu bersungguh-sungguh terhadap pejuang Afghanistan sama ada kita telah menerima tahniah dari Parti PAS itu, kita belum dengar lagi tetapi sebaliknya yang kita dengar kutukan itu adalah sedikit-sedikit.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar sedar bahawa sebelum daripada Kerajaan Malaysia membuka pejabat Mujahidin Afghanistan, PAS telah menjemput orang yang sama, kalau tak silap saya, hadir dalam muktamar tahunannya sendiri di Kuala Lumpur ini. Adakah sedar?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah sedar?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Kita memang sedar tentang jemputan yang dibuat oleh PAS itu, tetapi semasa mereka menjemput kita tidak menyalahkan PAS sebagaimana PAS ada sahaja alasan apabila kita pula menjemput puak-puak dari Afghanistan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehlah Yang Berhormat Menteri menyatakan apa jenis bantuan yang Kerajaan Malaysia beri kepada Mujahidin Afghanistan dan

adakah ini dalam bentuk kewangan, senjata atau apa yang lain. Dan kedua, adakah Kerajaan berhasrat atau dalam perancangan wujudkan satu pasukan sukarela untuk pergi membantu perjuangan Mujahidin Afghanistan, mungkin diketuai oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudahlah perang di Afghanistan, jangan bawa peperangan dalam Dewan ini pula. *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang ada memberi bantuan-bantuan kemanusiaan kepada perjuangan Afghanistan menerusi Badan-badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan badan-badan sukarela yang lain tetapi bantuan keperimanasian sahaja.

Baru-baru ini semasa datangnya pemimpin Mujahidin berunding dengan Perdana Menteri, ada pihak Perdana Menteri kita telah pun menyatakan bagaimanakah mereka mendapat bekalan senjata, perubatan dan sebagainya. Mereka menyatakan dengan tegas bahawa pembekal utama bekalan senjata mereka itu adalah dari pihak Russia sendiri. Jadi, soal untuk memberi bantuan senjata dan sebagainya kepada pejuang-pejuang Mujahidin yang begitu berani itu tak timbul langsung sebab pembekal utama adalah pihak lawan mereka sendiri.

Tentang pasukan sukarela itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan di sini mereka tidak langsung memerlukan pasukan sukarela kerana mereka telah dengan tegasnya menyatakan bahawa ini adalah perjuangan mereka sendiri dan mereka sendiri sanggup memperjuangkan nasib mereka. Sama ada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu sanggup membawa suatu pasukan tentera ke sana, saya rasa

elok juga kalau wakil dari Kota Melaka berpakat, sama-sama kita pergi. (*Ketawa*).

### PELABUHAN KEMASIH— PEMBINAAN

**7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Pengangkutan menerangkan sejauh mana rancangan pembinaan pelabuhan Kemasih di Kelantan telah dilaksanakan, dan tahun berapa pelaksanaannya dapat diselesaikan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan telah melantik sebuah juru perunding bagi mengkaji dan menyediakan reka bentuk bagi pembinaan sebuah pelabuhan di Kemasih. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan ekonomi yang meleset, Kerajaan belum lagi menetapkan tarikh pelaksanaan projek ini.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Soalan tambahan. Membuat pelabuhan di Kemasih memang baik rancangannya tetapi soalnya bila dibanding dengan pelabuhan Kuantan yang letaknya di tengah-tengah negeri yang banyak hasil mahsul yang boleh dibawa ke pelabuhan ini, maka adakah rancangan mengadakan pelabuhan Kemasih yang tetaknya di hujung negeri yang tidak begitu banyak hasilan ini masih lagi dikira satu rancangan yang viable?

**Puan Hajjah Rahman binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada PAS yang mengatakan terima kasih kepada Kerajaan Barisan National untuk mengadakan pelabuhan ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana kita ini sudah mengadakan satu kajian bahawa projek ini merupakan satu projek yang

viable bagi kepentingan rakyat Kelantan maka Kerajaan memandangkan perkara ini penting dan ianya viable.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan bahawa beliau menyatakan tadi oleh kerana kemelesetan kewangan tidak dapat dijalankan pelabuhan Kemasih ini. Apakah langkah Kerajaan setakat ini untuk dijalankan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan pelabuhan Kemasih ini. Kalau ada, adakah pihak PAS akan menentang pengambilan tanah di pelabuhan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan bahagian kedua itu ialah andaian.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengatakan tadi bahawa oleh kerana keadaan kemelesetan ekonomi perkara ini ditangguhkan buat sementara ini. Insya-Allah ianya akan diteruskan apakala ekonomi kita sudah baik.

### JABATAN PEGUAM NEGARA— KEKURANGAN KAKITANGAN

**8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar Jabatan Peguam Negara tidak mempunyai cukup kakitangan untuk menggubal dan menguruskan Rang Undang-undang. Berapa banyak Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kementerian-kementerian dalam tahun 1983, 1984, 1985 dan berapa pula yang disiapkan. Mohon terangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam hal ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah

benar Jabatan Peguam Negara tidak mempunyai cukup kakitangan untuk menggubal dan menguruskan Rang Undang-undang tetapi kekurangan ini tidaklah banyak menjejaskan hasil penggubalan dan pengurusan Rang Undang-undang. Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Kementerian-kementerian kepada Jabatan Peguam Negara ialah:

1983 . . . . .	53
1984 .. .. .	50
1985... . .	38

Dari jumlah ini lebih daripada 90% telah disiapkan di mana 70% telah pun diluluskan oleh Parlimen. Jumlah 10% itu merupakan bilangan Rang Undang-undang yang masih digubal di mana mesyuarat-mesyuarat diadakan dari masa ke semasa untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan yang sesuai dan memuaskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menentukan hasil pengeluaran ataupun daya pengeluaran pihak penggubal ini ditingkatkan supaya Rang Undang-undang yang dibentangkan di Parlimen ini dapat dikemukakan satu ataupun dua bulan sebelum mesyuarat?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya berlaku kelewatan ini tidak disengajakan dan memang kita berusaha untuk meningkatkan hal ini. Tetapi ini tidak ada kaitan dengan kebolehan Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara menggubal undang-undang. Setakat ini satu daripada kesukaran bahagian ini ialah kurangnya pegawai-pegawai yang ada di dalam bahagian itu, umpamanya daripada 24 jawatan yang ada, kita hanya mempunyai 17 pegawai-pegawai yang bertugas.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menunjukkan bahawa negara kita Malaysia ini meminta atau mengemukakan 47 Rang Undang-undang atau pindaan kepada Rang Undang-undang purata setahun. Soalan saya ialah tidakkah pada pandangan Yang Berhormat Menteri negara kita ini terlampau banyak menggubal undang-undang dan terlampau banyak meminda undang-undang, terutama pindaan kepada undang-undang, ini mungkin boleh dielakkan kalau kita lebih berhati-hati ketika menggubal undang-undang sebelum dikemukakan kepada Parlimen yang tidak memerlukan dipinda selalu dan menambahkan beban kepada pihak Jabatan Peguam Negara. Bolehkah langkah-langkah diambil supaya kita mencari jalan mengurangkan pindaan Undang-undang dan mengurangkan pengemukakan undang-undang, misalnya, boleh dikemukakan dalam bentuk regulations dan tidak perlu dibuat undang-undang

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, memang seboleh-bolehnya kalau kita kehendaki, kita tidak mahu kerap kali kita terpaksa memindahkan undang-undang tetapi di mana ada keperluan kita terpaksa berbuat demikian, walaupun kita tahu ini merupakan suatu proses yang banyak memberi kesukaran.

Dalam bentuk regulations, dengan izin, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi memang terdapat juga peraturan-peraturan yang dibuat begitu, khususnya yang melibatkan pelaksanaan perjalanan jentera Kerajaan dan sebagainya tetapi ini tidaklah merupakan undang-undang yang kita katakan khusus atau undang-undang yang perlu perlaksanaannya dari segi mahkamah dan sebagainya.

Peraturan ini setakat peraturan untuk mungkin kumpulan-kumpulan tertentu sahaja.

### **RUMAH KEDIAMAN KAKITANGAN PERSEKUTUAN DI SARAWAK**

**9. Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerianya ada rancangan untuk membina Rumah Kediaman Kakitangan Persekutuan untuk mana-mana negeri, atau Kompleks Persekutuan untuk kakitangan Kerajaan Persekutuan lebih lagi di negeri Sarawak, kerana semua pegawai Kerajaan Persekutuan yang berkhidmat untuk Kerajaan Persekutuan duduk di bandar di peringkat daerah sangat sukar untuk mencari rumah kediaman Kerajaan, sementara rumah kediaman Kerajaan negeri selalunya diperuntukkan untuk pegawai Kerajaan Negeri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed);** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kerajaan tidak lagi membina rumah kediaman kakitangan Persekutuan di mana-mana negeri. Bagaimanapun, dalam keadaan istimewa seperti terdapat di negeri Sarawak, maka Kerajaan telah membina sebanyak 112 unit rumah kediaman kakitangan di Kuching dan Bintulu. Kos projek ini adalah sebanyak \$5 juta dan pembinaannya telah bermula pada tahun 1981 dan dijangka siap dalam tahun hadapan.

Kerajaan sedar tentang masalah perumahan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bertugas di kawasan pedalaman dan terencil di mana rumah-rumah swasta tidak diperolehi untuk disewa dan yang demikian walaupun dasar sekarang ialah bahawa Kerajaan tidak menyediakan rumah bagi kakitangannya, tetapi Kerajaan sedia

menimbangkan untuk mengadakan kemudahan perumahan di tempat-tempat tersebut setakat mana yang boleh.

### **PERKHIDMATAN FERI KUANTAN—KUCHING**

**10. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah feri antara Kuantan-Kuching akan mula perkhidmatannya untuk memudahkan perjalanan antara Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak;
- (b) bilakah terminal feri Sabah akan disediakan dan apakah sebab-sebabnya berlaku kelewatan; dan
- (c) beri butir-butir lanjut berkaitan dengan perkhidmatan feri tersebut seperti kos, kapasiti, masa perjalanan dan sebagainya.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Tarikh yang dimatlamatkan bagi permulaan perkhidmatan Feri Malaysia bergantung kepada penyediaan kerja-kerja pengubahsuaian yang terlibat di ketiga-tiga Pelabuhan Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu. Mengikut jadual kerja yang ada, dijangkakan perkhidmatan feri ini akan dapat dilancarkan menjelang 31hb Ogos, 1986. Walau bagaimanapun, perkhidmatan Feri Malaysia di antara Kuantan dan Kuching dijangka boleh dimulakan pada bulan Mac 1986, sementara menunggu terminal feri di Kota Kinabalu itu siap.

(b) Tarikh siap terminal feri di Pelabuhan Kota Kinabalu itu bergantung kepada tempoh kerja pembinaan yang dijangka mengambil masa 9 bulan daripada tarikh tawaran diberi. Buat ketika ini pemberian kontrak membina kemudahan infrastruktur di pelabuhan Kota Kinabalu masih dibekukan sehingga punca kewangan untuk membiayainya dapat ditentukan. Soal pembiayaan ini dijangka dapat diputuskan tidak lama lagi.

(c) Butir-butir lanjut berkaitan dengan perkhidmatan Feri Malaysia adalah seperti berikut:

#### *Kos*

Pada dasarnya kadar tambang bagi penumpang untuk kelas "De Luxe" dan "Standard", dengan izin, adalah 30% kurang daripada kadar tambang ekonomi MAS bagi tiap-tiap sektor. Kadar tambang tersebut tidak termasuk harga makanan di atas kapal. Walau bagaimanapun, tambang istimewa akan diberi kepada penumpang-penumpang seperti pelajar-pelajar, penumpang sekeluarga dan orang yang berpencen di mana diskaun di antara 10%-25% dicadang diberikan. Buat masa ini kadar tambang bagi kereta persendirian belum dapat ditetapkan lagi.

#### *Kapasiti*

Kapal feri yang dikenalpasti bagi perkhidmatan ini berkeupayaan untuk memuat lebih kurang 600

orang penumpang di samping mengangkut kenderaan dan kargo-kargo yang dimuatkan dalam treler-treler. Jumlah kenderaan yang boleh dibawa ialah di antara 80 hingga 180 buah kereta atau boleh dimuatkan di antara 10 hingga 44 buah treler 12 meter panjang sekali gus. Nisbah di antara kereta dan kargo perlu ditimbang mengikut tempahan yang diterima bagi tiap-tiap pelayaran.

#### *Masa Perjalanan*

Perkhidmatan feri pergi dan balik di antara Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu dijangka mengambil masa selama satu minggu. Berdasarkan kepada kelajuan sebanyak 19 batu nautika, masa pelayaran adalah seperti berikut:

1. Kuantan ke Kuching sejauh 450 batu nautika—26 jam
2. Kuching ke Kota Kinabalu sejauh 431 batu nautika selama—24 jam.

Mengikut jadual, Feri Malaysia akan kembali ke Pelabuhan Kuantan dalam tempoh 5.5 hari "round-trip" sesudah belayar ke Kuching dan ke Kota Kinabalu. Feri Malaysia akan berlabuh selama 4 jam di tiap-tiap pelabuhan di Kuching dan Kota Kinabalu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).*

## IMPORT/EKSPORT BUAH-BUAHAN

**11. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Pertanian menyatakan setiap tahun berapakah Malaysia mengimport buah-buahan dan sebaliknya berapa pula kita eksport.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Jumlah import buah-buahan yang terdiri daripada buah-buahan segar, buah-buahan kering, buah-buahan kekacang, buah-buahan dalam tin dan buah-buahan yang telah diproses bagi tahun 1982, 1983 dan 1984 masing-masing ialah sebanyak \$205.9 juta dan \$252.3 juta manakala jumlah eksport pula ialah \$112.8 juta, \$123.2 juta dan \$142.6 juta.

## PUSAT PEMULIHAN DADAH

**12. Tuan Quah Wee Liam** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Pusat-pusat Pemulihan yang ada mencukupi dengan bertambahnya penagih-penagih yang ditahan; dan
- (b) apakah rancangan-ancangan baru yang akan diadakan supaya Anti Dadah akan lebih berjaya.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam):**

- (a) Pada masa ini Kerajaan mempunyai sebanyak enam puluh Pusat Pemulihan Dadah yang sudah beroperasi yang boleh menampung seramai 1,750 orang penagih pada satu-satu masa. Sebuah Pusat Pemulihan Baru dengan muatan maksima seramai 300 orang penagih akan mula beroperasi dalam bulan November 1985.

Dengan beroperasinya Pusat tersebut bermakna Pusat-pusat Pemulihan Kerajaan yang ada sekarang boleh menampung

seramai 2,050 orang penagih pada satu-satu masa. Selain daripada Pusat-pusat Pemulihan Kerajaan, terdapat juga beberapa Pusat/Pemulihan, Pusat-pusat Harian, Pusat Perantaraan, yang dikendalikan oleh PEMADAM Kebangsaan dan badan Sukarela/Persendirian yang lain, yang boleh menampung seramai 400-500 orang penghuni. Walau bagaimanapun, Pusat-pusat Pemulihan yang ada sekarang ini memang tidak mencukupi untuk menempatkan semua penagih-penagih yang ditahan itu. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan bercadang untuk membina sembilan buah Pusat Pemulihan baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang boleh menampung seramai 1,900 orang penagih.

Dalam hal ini suka saya menjelaskan bahawa tidaklah semua penagih-penagih dadah yang ditahan itu mesti dimasukkan ke Pusat-pusat Pemulihan Dadah. Ada kes-kes di mana penagih-penagih dadah menjalani program pemulihan di luar institusi iaitu dalam masyarakat di bawah pengawasan Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

- (b) Mengenai soalan kedua, Kerajaan telah pun menyediakan satu Rancangan bertindak Lima Tahun Anti Dadah Negara yang akan memberi peningkatan dan penekanan dalam bidang-bidang pengawalan dan pencegahan dadah laitu perundangan dan penguatkuasaan rawatan dan pemulihan, pendidikan

pencegahan, penyelidikan dan kerjasama antarabangsa. Dengan pelaksanaan Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti Dadah Negera ini adalah diharapkan tindakan-tindakan Anti Dadah akan lebih berjaya lagi.

### PELABURAN SWASTA— PENGHALANG PENGEMBANGAN

**13. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa organisasi seperti "Federation of Malaysian Manufacturers" telah mendakwa bahawa masih lagi terdapat banyak halangan birokratik dalam bentuk pengawalan dan peraturan yang berlebihan yang bertindak sebagai penghalang kepada pengembangan pelaburan swasta dan juga insentif Kerajaan untuk mendorong pelaburan tidak boleh dipergunakan oleh kerana kekusutan pita merah sebegitu dan jika ya, apakah langkah-langkah akan diambil untuk meringankan prosedur birokratik ini khasnya dengan menyenangkan prosedur permohonan, pengeluaran dan pembaharuan berbagai jenis lesen-lesen yang diperlukan bagi menjalankan perindustrian-perindustrian.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Pihak Kerajaan memang menyedari terhadap pendakwaan gabungan-gabungan/organisasi-organisasi seperti Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, mengenai sistem birokratik yang wujud di Jabatan-jabatan Kerajaan yang mereka anggap sebagai penghalang kepada pengembangan pelaburan swasta. Kerajaan walau bagaimanapun juga menyedari bahawa beberapa peraturan perlu dirangka untuk memastikan

matlamat Kerajaan boleh dicapai. Untuk tujuan ini beberapa tatacara "(procedure)" pentadbiran mesti dilalui sebelum membuat sesuatu keputusan. Kerajaan walau bagaimanapun memandangkan berat ke atas tatacara birokratik yang tidak sepatutnya berlaku dan tindakan-tindakan untuk mengurangkannya sentiasa diambil.

Pada amnya pendakwaan daripada organisasi-organisasi mengenai pengawalan dan aturan yang berlebihan dan kesusahan dalam menikmati galakan pelaburan adalah diperhatikan oleh pihak Kerajaan dan akan dipertimbangkan dalam kajian semula terhadap peraturan-peraturan berkenaan dengan pelaburan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan negara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masa ini beberapa dialog telah diadakan dengan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia dalam usaha-usaha untuk mengkaji semula beberapa peruntukan dalam Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, dan beberapa perkara seperti soal tahap Perlesenan, syarat ikuti kapasiti untuk pengembangan dan bentuk-bentuk galakan telah dibincangkan. Perkara-perkara tersebut sedang dihalusi oleh Kerajaan.

Seperti diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 1986 sekim galakan yang sedia ada telah diselaraskan untuk memudahkan ia difahami. Hanya galakan Taraf Perintis dan Kredit Cukai Pelaburan dikekalkan sementara lain-lain galakan dibatalkan. Untuk menggalakkan eksport suatu galakan baru telah diperkenalkan melalui potongan ke atas pendapatan yang diselaraskan (abatement of a adjusted income). Demikian juga sektor-sektor terpenting (priority sektor) sedang dikenalpasti untuk kemudahan pihak

pelabur mengetahui bentuk-bentuk galakan yang layak bagi sektor-sektor yang berkenaan.

Satu langkah yang telah juga diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan asing ialah melonggarkan peraturan-peraturan mengenai penyertaan ekuiti asing untuk memudahkan mereka melabur di sektor perindustrian.

Dalam usaha-usahanya untuk membantu pihak swasta, Kerajaan telah juga menyelaraskan dan mempermudah tatacara mendapatkan kelulusan di mana yang boleh untuk mengurangkan kelewatan dalam proses membuat keputusan.

#### PASARAN KERETA DALAM/ LUAR NEGERI

**14. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan penjualan kereta buatan negara telah jual diumumkan, apakah langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Kerajaan untuk membuka pasaran di dalam dan luar negeri.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Oleh kerana penjualan kereta merupakan satu persaingan yang hebat di antara pengedar-pengedar, maka adalah tidak wajar bagi EON mengumumkan jumlah-jumlah unit kereta Proton Saga yang telah ditempah dan dijual setakat ini.

Bagi pasaran dalam negeri, EON telah dilantik sebagai pengedar tunggal kereta nasional. EON telah pun bersedia untuk mengedarkan kereta nasional melalui rangkaian cawangan dan wakil-wakil penjual yang akan dilantik tidak berapa lama lagi.

Bagi pemasaran luar negeri, Proton sedang membuat kajian teliti sebelum meneroka bidang ini sungguhpun banyak pertanyaan-pertanyaan telah diterima dari negara-negara asing.

Usaha-usaha untuk memperkenalkan kereta nasional di luar negeri seperti di negeri China dan United Kingdom telah juga dibuat oleh syarikat-syarikat di atas inisiatif mereka sendiri. Ini adalah kerana sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum., undang-undang mengimport kereta di negara-negara asing memerlukan masa ujian yang lama.

#### KERETA PROTON SAGA- PASARAN

**15. Tuan Haji Wan Mohamed Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah pengeluaran pertama kereta Proton Saga setakat ini yang benar-benar dihasilkan oleh kilang kereta Proton Saga dalam negara kita ini. Berapa besarkah keupayaan pengeluaran kilang tersebut dan dapatkah ianya memenuhi pasaran yang menguntungkan.

**Dato Dr James P. Ongkili:** Untuk tahun pertama iaitu dari Julai 1985 hingga Disember 1985 jumlah pengeluaran yang dirancang ialah 8,050 unit.

Mengikut kemajuan sekarang, kita berupaya mengeluarkan pengeluaran sebanyak itu dan kesemuanya akan dihasilkan oleh kilang Proton.

Dalam fasa pertama, keupayaan pengeluaran kilang ialah 80,000 unit setahun dan bekerja dalam dua (2) giliran (shift). Kapasiti ini adalah dirancang dengan mengambil perkiraan pasaran dalam negeri dan viabilitinya.

#### INDUSTRI PERUMAHAN/ DASAR PINJAMAN

**16. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakah:

(a) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil

oleh pihak Kementerian untuk mengatasi kelembapan di dalam industri perumahan;

(b) apakah jumlah luas pejabat yang

(i) telah disediakan sejak tahun 1980

(ii) masih kekosongan menjelang bulan September, 1985;

(c) apakah bilangan rumah—

(i) kos rendah;

(ii) kos menengah; dan

(iii) kos tinggi;

yang masih belum dapat dijual di dalam—

(1) pembangunan swasta dan

(2) pembangunan negeri;

sejak tahun 1980 sehingga bulan September, 1985; dan

(d) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar pinjaman perumahan bagi setiap jenis rumah tersebut di atas. Jika ya, apakah dasar pinjaman yang telah diubah dan sejak bilakah ianya telah dilaksanakan. Setakat ini, apakah darjat kejayaan yang tercapai dengan perubahan dasar-dasar ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):**

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kelembapan di dalam industri perumahan pada masakini ialah, melaksanakan program penswastan, menyediakan berbagai jenis

pelan seragam bagi perumahan kos rendah dan sederhana, merancang pelaksanaan kepadatan yang tinggi, mempercepat proses tukar syarat tanah dan pecah sempadan serta proses pengeluaran Sijil Layak menduduki (CFO), menentukan pemberian kemudahan pinjaman yang mencukupi dengan kadar faedah yang terkawal khususnya bagi pembelian rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 seunit, meneruskan penyelidikan serta menggalakkan penggunaan sistem-sistem pembinaan yang lebih moden, efisien dan sistematik.

(b) Mengenai soal berkaitan dengan ruang pejabat, saya tidak dapat menjawabnya kerana Kementerian tidak menyimpan maklumat yang berkaitan.

(c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data yang ada di Kementerian mengenai bilangan rumah yang belum dijual oleh pemaju swasta adalah berdasarkan kepada jenis-jenis rumah dan hanya merangkumi tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) sahaja. Sehingga bulan Jun, 1985 bilangan rumah yang masih belum dijual mengikut jenis adalah seperti berikut:

(1) Rumah Bangalow dan Berkembar (1-2 tingkat)	5,234 unit
(2) Rumah Teres . . . . . (1 dan 2 tingkat)	10,593 unit
(3) Rumah Pangsa/Rumah Murah	201 unit
JUMLAH ..	16,028 unit

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menghadapi masalah untuk menjual rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam. Bagi rumah kos menengah dan tinggi yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan, Kementerian tidak mempunyai data tentang penjualan rumah berkenaan kerana perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan agensi-agensi pelaksanaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan lain-lain agensi.

- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengkaji dasar dasar yang berkaitan dengan kemudahan pinjaman rumah. Bagi kemudahan pinjaman perumahan untuk orang awam, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pinjaman Perumahan Khas pada pertengahan tahun 1982 bagi mengawal kadar faedah pinjaman perumahan yang disediakan oleh bank-bank dan Institusi-institusi Kewangan untuk membeli rumah-rumah yang berharga di bawah \$100,000 seunit. Langkah-langkah Kerajaan ini telah membantu lebih ramai golongan rakyat berpendapatan rendah membeli rumah dengan kadar faedah pinjaman yang lebih rendah, di samping menentukan hanya mereka yang belum mempunyai rumah mendapat faedah di bawah skim ini. Sehingga Jun, 1985 iaitu sejak pengenalannya, Skim Pinjaman Perumahan Khas ini telah membantu membiayai pembelian 104,155 unit rumah jenis kos rendah dan sederhana.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (6hb November, 1985).

## DAN

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986 dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (6hb November, 1985)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, bolehkah Yang Berhormat mengambil masa tidak melebihi 20 minit.

3.36 ptg.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Selama 25 minit Tuan Yang di-Pertua? Saya ingin menyambung ucapan saya pada hian semalam. Saya telah mengatakan bahawa 71% daripada Belanjawan 1986 telah diperuntukkan pada Perbelanjaan Mengurus iaitu sebanyak \$21,954 juta dan juga saya telah menyatakan bahawa peruntukan Belanjawan Mengurus ini telah menaik di tiap-tiap tahun, misalnya, daripada tahun 1981 peruntukan Belanja Mengurus ini hanyalah lebih kurang \$15.5 ribu juta dan sekarang ini meningkat kepada angka \$21,950 juta iaitu kenaikan hampir 30% lebih dalam masa enam tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengulang sedikit. Menteri Kewangan sendiri dalam Ucapan Belanjawan telah menyatakan bahawa 35% atau kira-kira \$7,696 juta daripada peruntukan Belanja Mengurus ini diperuntukkan kepada bayaran emolumen. Dan ini menunjukkan bahawa negara mempunyai angka perkhidmatan awam yang sangat besar berbanding dengan negara-negara lain seperti yang saya telah tunjukkan dalam perangkaan semalam. Dan juga menurut Menteri Kewangan kalaulah pada tahun 2,000 jangkaan kita akan membayar bayaran pencen sebanyak \$3.1 juta, hampir separuh dengan Peruntukan Pembangunan tahun 1986 pastilah bahawa kita mesti membuat sesuatu untuk mengurangkan Perbelanjaan Mengurus ini, sebaliknya sebahagian besar daripada peruntukan Kerajaan diarahkan kepada peruntukan bagi maksud pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu langkah tegas perlu diambil segera oleh kita, oleh Kerajaan dan langkah-langkah jangka panjang perlu dirangka oleh Kerajaan bagi

mengurangkan keanggotaan perkhidmatan awam. Negara kita tidak boleh sentiasa meminjam wang hanya dengan kerana untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan bagi Belanja Mengurus dan juga membiayai keanggotaan Perkhidmatan Awam ini. Walaupun kita telah lihat bahawa Kerajaan telah bertindak bagi membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong dan memberhentikan pengujudan jawatan-jawatan baru tetapi pada pendapat saya tindakan yang diperlu dibuat ialah mengurangkan bilangan anggota Perkhidmatan Awam ini ataupun mengecilkan keanggotaan Perkhidmatan Awam ini iaitu menerusi penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat strategi Belanjawan 1986, strategi yang kedua iaitu mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta. Menyentuh mengenai strategi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah sangat tepat bahawa kegiatan sektor swasta adalah sangat peting di dalam membantu pembinaan dan pembangunan negara. Oleh itu, banyak peranan yang sekarang ini dimainkan oleh Kerajaan perlu diserahkan kepada sektor swasta, atau dengan lain-lain perkataan penswastaan Perkhidmatan Awam adalah merupakan satu cara bagi menjimat dan mengurangkan perbelanjaan mengurus Kerajaan, Konsep penswastaan telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa tahun yang lalu tetapi soalnya sekarang ialah mengapa pelaksanaan konsep penswastaan ini terlalu lembab dan juga lambat.

Apakah setelah sekian lama kita memperkenalkan konsep penswastaan hanya sebahagian kecil sahaja daripada Perkhidmatan Awam seperti Perkhidmatan Telekom, MAS, beberapa projek perumahan awam kos rendah dan juga di Dewan

Bandaraya umpamanya daripada berbagai-bagai perkhidmatan tempat dijalankan hanya perkhidmatan letak kereta sahaja yang diswastakan. Kelembapan ini dan juga kelembatan pelaksanaan ini menjadi tandatanya. Soal selanjutnya, apakah Kerajaan benar-benar serius untuk menswastakan Perkhidmatan Awam yang sesuai, itulah persoalannya sekarang. Kalau kita lihat, kalau kita benar-benar serius mengapa pada tahun 1985 dan 1986 kita menguntukkan begitu besar peruntukan untuk Belanja Mengurus. Mengapa daripada sejumlah Belanjawan kita 71% lagi diuntukkan kepada Belanja Mengurus?

Tuan Yang di-Pertua, di manakah letaknya kesilapan kita dalam masalah ini. Saya rasa ia terletak pada cara kita melaksana dan merancang konsep penswastaan ini. Selama ini tugas penswastaan ini kita letakkan perancangan dan pelaksanaannya kepada jabatan-jabatan yang berkenaan. Saya berpendapat di sinilah letaknya kesilapan kita. Ini adalah kerana timbul konflik ataupun perasaan berbelah bagi di antara untuk mengekalkan empire jabatan kita yang besar dengan penswastaan perkhidmatan kita yang sekali gus akan meruntuhkan empire jabatan-jabatan ini, dan oleh kerana itu saya mencadangkan di sini kita tidak boleh bergantung kepada jabatan-jabatan yang berkenaan bagi merancang dan melaksanakan penswastaan jabatan mereka ataupun perkhidmatan mereka. Perlu diwujudkan satu jabatan khas diletakkan di Jabatan Perdana Menteri dan kita gelarkan jabatan ini misalnya jabatan ataupun Bahagian Penswastaan Perkhidmatan Awam dan ianya bertanggungjawab terus pada Perdana Menteri dan membuat kerja-kerja penswastaan Perkhidmatan Awam sahaja, tidak dicampurkan dengan tugas-tugas yang lain.

Saya menyedari bahawa sekarang ini memang telah ada wujud satu Urusetia di Jabatan Perdana Menteri yang mengendalikan urusan penswastaan ini. Tetapi pada pandangan saya Urusetia tersebut tidaklah memadai dan ianya tidak mampu untuk memikul beban yang sangat berat ini. Jabatan yang bakal ditubuhkan ini haruslah diketuai sekurang-kurangnya oleh seorang Timbalan Menteri dan ianya adalah satu jabatan yang bebas dan tidak berkait dengan jabatan-jabatan yang hendak diswastakan. Dengan cara ini, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita telah menerima konsep penswastaan ini sebagai satu cara hidup kita di negara ini maka saya sekali lagi merayu kepada pihak Kerajaan supaya benar-benar serius kerana soal untuk menswastakan berbagai-bagai perkhidmatan awam yang difikirkan sesuai untuk seterusnya mengurangkan perbelanjaan kita dalam soal ini dan seterusnya sebahagian besar daripada jumlah peruntukan negara ini dapat ditujukan ke arah membangun dan membina negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kedudukan harga barangan utama negara kita khasnya kepada dua jenis sahaja iaitu getah dan kelapa sawit. Kesan permintaan luar negeri yang lembab menyebabkan eksport getah Malaysia telah merosot pada jangkaan 3.1% Jumlah eksport yang dijangka bagi tahun 1985 ialah 1,540,000 tan metrik berbanding dengan 1,588,488 tan metrik bagi tahun 1984. Nilai getah merosot sebanyak 28.1% menjadi \$1,483.7 juta pada tempoh 6 bulan pertama tahun 1985 berbanding dengan sebanyak \$2,064.3 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1984. Keadaan ini juga dicerminkan oleh nilai unit eksport purata yang telah merosot sebanyak 20.6% menjadi 200.2 sen sekilogram dalam masa separuh tahun pertama tahun 1985

berbanding dengan 252.2 sen sekilogram dalam masa separuh tahun pertama 1984.

Bagi minyak kelapa sawit pula, permintaan kepada barangan ini bertambah dan eksport minyak ketapa sawit yang diproses di Malaysia dan juga minyak kelapa sawit mentah dalam tempoh 3 bulan pertama 1985 berjumlah 810,380 tan metrik menunjukkan pertambahan 65.3% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1984. Pembeli utama bagi eksport minyak kelapa sawit Malaysia dalam tempoh tersebut ialah Singapura yang importnya meningkat kepada 329.3%, India yang importnya telah meningkat kepada 118.4% dan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah yang importnya telah meningkat kepada 13.7%. Dalam tempoh 6 bulan pertama 1985 eksport minyak kelapa sawit mentah dan juga minyak kelapa sawit yang diproses berjumlah 1,487,314 tan metrik iaitu bertambah sebanyak 32.1% berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, Pakistan telah merancang untuk mengimport sebanyak 500 tan metrik minyak kelapa sawit mentah bagi tempoh bulan Julai 1985 hingga June 1986 berbanding dengan import pada tahun 1984 sebanyak 397,492 tan metrik. Pakistan secara tradisinya mengimport minyak kelapa sawit dari Malaysia tetapi baru-baru ini Indonesia telah mengambil alih sedikit keadaan ini yang mana telah mengeksport ke Pakistan sebanyak 60,000 tan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih membimbangkan saya ialah harga minyak kelapa sawit merosot dengan banyaknya dalam tempoh setahun ini. Harga purata minyak kelapa sawit dalam tempoh suku pertama tahun 1985 ialah sebanyak 1,390 setan metrik, merosot sebanyak 28.7% berbanding dengan harga

purata tahun 1984 sebanyak 1,948 setan metrik.

Dalam suku kedua tahun 1985, harga terus merosot kepada \$1,375.7 setan metrik dan ia merosot seterusnya pada bulan Julai \$1,080. Bulan Ogos, \$861 dan pada dua minggu pertama butan September, \$718 dan harga yang akhir secara tidak rasmi saya dapat tahu ialah \$540 setan.

Secara ringkasnya, saya telah membentangkan dua sahaja keadaan bahan komoditi utama kita. Tetapi pada keseluruhannya, kesemuanya kita mempunyai masalah. Kemerostan pasaran harga ini telah menjejaskan dengan teruknya ekonomi negara. Dan saya tidak perlulah untuk menjelaskan lebih lanjut bagaimana susahnya negara kita dengan penurunan harga-harga ini, tetapi tujuan saya membentangkan perangkaan tadi ialah untuk memberi satu gambaran bagaimana pada masa ini pekebun-pekebun kecil dan begitu juga peneroka-peneroka, terutama dalam FELDA sekarang ini mempunyai lebih 83,000 orang keluarga peneroka dan begitu juga RISDA mempunyai lebih daripada 20,000 orang peneroka dan ramai lagi pekebun-pekebun kecil yang terlibat, yang bergantung sepenuhnya kepada hasil daripada bahan-bahan utama tadi. Mereka sekarang ini tidak lagi mempunyai pendapatan yang cukup dan memadai untuk menampung "kehidupan mereka. Semalam rakan saya daripada Keluang juga telah membangkitkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi aspek ini sahaja yang saya hendak bincangkan dalam masa yang terhad. Pendapatan petani-petani ini, peneroka dan juga pekebun kecil terjejas sama sekali, sehinggakan pada masa ini peneroka-peneroka FELDA di tempat saya tidak mempunyai lebihan tunai mereka, selain daripada kredit dalam bentuk bahan makanan

untuk perbelanjaan harian mereka untuk menanggung pembiayaan sekolah dan sebagainya. Sedangkan mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran bahan utama ini seperti di FELDA yang mengkhususkan kepada tanaman-tanaman tertentu dan mereka tidak mempunyai pekerjaan yang lain untuk menambah saraan hidup mereka. Jadi, oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan saya daripada Keluang semalam, saya merayu kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga pihak FELDA supaya dapat menjadualkan semula bayaran pinjaman, agar dengan ini peneroka boleh mendapat pendapatan yang boleh menampung keperluan mereka. Begitu juga saya meminta kepada FELDA dan merayu kepada mereka supaya kredit sekarang ini diberikan dalam bentuk makanan, barang-barang makanan yang diambil daripada kedai perbadanan niaga FELDA. Selain daripada barang-barang makanan ini, mereka juga diberikan pendahuluan wang tunai.

Kalaulah misalnya sekarang ini mereka diberikan \$300 hingga \$400 mengambil barang-barang ini, kita juga berharap kita boleh membahagi sebahagiannya dalam bentuk barang makanan, misalnya \$250 dan \$150 lagi dalam bentuk wang tunai.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah untuk mengelakkan daripada mereka ini menjual barang-barang itu untuk mendapatkan tunai. Saya tidak malu menyatakan di sini bahawa memang menjadi amalan, terutamanya peneroka di tempat saya, di tempat lain saya tidak tahu, oteh kerana desakan hidup, bukan kerana mereka mahu, tetapi kerana desakan hidup hendakkan wang tunai, mereka terpaksa mengambil dengan secara kredit barang ini daripada kedai PNF

(Perbadanan Niaga FELDA), kemudian menjual dengan harga yang sangat murah untuk mendapatkan tunai. Pada akhirnya mereka akan terbabit dengan hutang yang banyak.

Peneroka sahaja tidak boleh disalahkan dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, tetapi sistem juga patut dipersoalkan. Jadi, saya merayulah sekali lagi supaya FELDA dapat membantu dalam soal ini dalam zaman kemelesetan ini. Dan jika sekiranya keadaan mereka telah kembali pulih, bolehlah kita mengutip kembali bayaran ini daripada peneroka-peneroka tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain dahpada masalah peneroka ini bagi mengatasi persaingan daripada pengeluar-pengeluar bahan utama negara lain, saya berharap Kerajaan menghebatkan lagi untuk menambahkan daya pengeluaran dan juga mengadakan penyelidikan untuk menurun kos pengeluaran. Saya mendapat tahu bahawa kos pengeluaran kita, terutamanya dari segi minyak kelapa sawit adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit di sini menyentuh berkenaan dengan soal pembinaan Kampus Cawangan ITM di Jengka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad:** Saya golong sedikit. Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan kerana telah bersetuju untuk membina Cawangan ITM ini di Jengka, Pahang seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam tahun 1981. Malahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat sendiri telah merasmikan tapak ITM ini pada bulan April tahun 1985 ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya nampak pelaksanaan

pembinaannya sekarang ini telah senyap, langsung tidak ada. Saya menyeru kepada yang berkenaan supaya untuk kita tidak dituntut oleh rakyat sebagai tidak menunaikan janji. Kita berharaplah kampus ini akan dapat dibina dengan seberapa segera yang mungkin seperti yang telah dirancang dan dijadualkan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lubuk Antu. Yang Berhormat hendak mengambil masa berapa lama?

**Tuan Andrew Janggi Muyang:** 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 10 minit, terima kasih. Silakan.

3.58 ptg.

**Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubok Antu):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyertai perbahasan ini untuk memberi pendapat dan pandangan saya tentang Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985 baru-baru ini. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menyediakan Belanjawan dengan penuh tetiti serta mengambil kira kepentingan semua pihak dan negara dan yang telah pun dialu-alukan oleh rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan haruslah mengatur semula keutamaan-keutamaan kepada skim-skim pembangunan tanah terutama sekali di kawasan-kawasan yang belum lagi dibangunkan, khususnya di Sarawak.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini yang akan berakhir tempohnya pada tahun 1990 haruslah diteruskan. Oleh yang demikian, saya menyeru

agar agensi-agensi Kerajaan yang besar seperti FELDA dan FELCRA untuk meluasakan lagi kegiatan-kegiatan ke Sarawak.

Ini saya percaya akan menguntungkan semua pihak, lebih-lebih lagi petani-petani di kawasan pendalaman yang miskin. Saya mencadangkan agar Kerajaan membuat satu kajian yang mendalam dan terperinci ke atas keadaan satu-satu masyarakat di kalangan penduduk luar bandar di Sarawak dengan tujuan untuk memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa kaum dayak di negeri Sarawak ada mempunyai tanah-tanah yang luas dan pada satu ketika dahulu seorang pemimpin negeri ada menyatakan bahawa orang-orang Dayak adalah yang kaya di negeri itu, oleh sebab banyak dan luasnya tanah-tanah yang dipunyai oleh kaum ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apakah gunanya sekiranya tanah-tanah yang luas itu tidak dapat diusahakan dan dibangunkan seperti mana yang ada sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tanah-tanah itu tidak ada mempunyai title atau geran hakmilik, maka pembangunan secara besar-besaran adalah agak susah sedikit. Tanah-tanah itu yang dinamakan Tanah Natif (Natives Customary Rights). Walaupun ia di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, saya mencadangkan agar satu jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji dan mencari jalan supaya tanah-tanah yang dipunyai oleh kaum ini diukur dan diberi hakmilik (title). Dengan cara ini adalah satu langkah untuk menolong penduduk-penduduk kita di luar bandar.

Bank-bank patutlah memperluaskan lagi kegiatan dan

peranan yang dimainkan oleh mereka dan sekarang hanya ada beberapa cawangan sahaja di bandar-bandar yang besar di seluruh negeri Sarawak. Cawangan-cawangan juga harus diadakan di Bahagian-bahagian di negeri itu kerana petani-petani datangnya dari luar bandar yang sangat memerlukan bantuan bank-bank tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat di atas pembinaan projek hidro elektrik di Batang Ai, Lubuk Antu yang telah siap dan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Sarawak baru-baru ini.

Projek ini telah menelan belanja sebanyak \$560 juta. Semua penduduk-penduduk yang ada di sekitarnya yang telah ditenggelami air telah pun dipindahkan ke kawasan penempatan semula. Rumah panjang mereka telah pun siap dibina dan berbagai kemudahan asas telah dan akan disediakan untuk 22 buah rumah panjang yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya merayu kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat agar mempercepatkan lagi pembayaran wang pampasan kepada penduduk yang terlibat di kawasan pembinaan projek hidro-elektrik ini.

Saya telah difahamkan bahawa sebanyak \$7.22 juta lagi masih belum dibayar kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan projek hidro ini juga sudah menjadi tempat tumpuan orang ramai yang datang dari dalam dan luar kawasan di negeri Sarawak untuk melihat keindahan tempat-tempat tersebut dan saya ingin mencadangkan agar kawasan ini dijadikan tempat pelancongan.

Ini disebabkan projek hidro-elektrik yang pertama dibina di negeri Sarawak. Oleh itu, saya merayu agar jalan-jalan raya yang menghala ke kawasan itu perlulah diperbaiki dan ditarkkan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelajaran, kami di negeri Sarawak amat jauh ketinggalan, terutama sekali kaum dayak di kawasan pedalaman.

Saya sebagai seorang Wakil Rakyat daripada kawasan pedalaman saya merayu dari segi belas kasihan Kementerian Pelajaran supaya mengambil lebih ramai lagi penuntut-penuntut kaum Iban memasuki universiti dan institusi bagi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri. Guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman perlu diberi perhatian dari segi kebajikan mereka.

Saya sentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab ada sungutan-sungutan daripada mereka yang telah lama mengajar di sebuah sekolah di antara 7-12 tahun tetapi masih juga tidak ditukarkan ke sekolah-sekolah yang lain.

Saya mencadangkan agar guru-guru yang mengajar di sekolah di kawasan luar bandar diberi syarat-syarat tempoh berkhidmat di antara 3-5 tahun dan bukannya melebihi 12 tahun di sesebuah sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Julau mengenai "phantom citizens". Perkara ini memanglah benar dan saya tidak mahu mengulang lagi apa-apa yang telah disuarakan oleh rakan saya itu dan saya cuma ingin menyeru kepada Kementerian dan jabatan yang berkenaan supaya membuat satu kajian macam mana hendak menyelesaikan masalah ini.

Perkara ini berlaku di seluruh kawasan pedalaman di Sarawak dan oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar peruntukan untuk Jabatan Pendaftaran ditambah dan kakitangan-kakitangan ditambah juga. Mereka itu perlulah dihantar ke kawasan pedalaman untuk membuat pendaftaran kepada setiap kampung dan rumah-rumah panjang di meratarata tempat di kawasan pedalaman di Sarawak.

Ada sungutan-sungutan pula dari beberapa pihak ibubapa menyatakan bahawa anak-anak mereka tidak dapat mengambil peperiksaan LCE/SRP oleh sebab ketiadaan sijil kelahiran dan kad pengenalan dan ada pula murid-murid yang dapat keputusan cemerlang di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima (Standard V Assessment Test) yang telah dipilih untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Semenanjung tidak dapat diterima oleh pihak yang berkenaan disebabkan ketiadaan sijil kelahiran dan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan rancangan-rancangan kesihatan yang telah disekat kerana kemelesetan ekonomi yang telah membawa kesan yang buruk sekali ke atas penduduk-penduduk di luar bandar di Sarawak, apa yang paling buruk sekali ialah kekurangan klinik desa untuk memenuhi keperluan asas mereka, perkhidmatan doktor udara (flying doctors service) dan bekalan ubat untuk klinik desa juga jauh berkurangan.

Di sini juga saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan, memandangkan Perkhidmatan Doktor Udara yang menelan belanja yang agak banyak pada tiap-tiap tahun supaya perkhidmatan ini dikurangkan dan peruntukan yang sepatutnya digunakan untuk perkhidmatan itu

digunakan untuk membina Klinik-klinik Desa di tempat-tempat tertentu yang selalu dilawati oleh perkhidmatan itu dan menempatkan kakitangan-kakitangan perubatan dan bekalan-bekalan ubat yang cukup kepada klinik-klinik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya cara ini adalah lebih baik dan jauh murah daripada menggunakan Perkhidmatan Doktor Udara. Maka saya menyeru kepada pihak Kementerian agar syor saya ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia terhutang budi kepada Angkatan Tentera kita yang telah dan sedang mengawal keselamatan negara kita daripada ancaman dari dalam dan luar negeri. Kita haruslah berbangga oleh kerana semangat keperwiraan yang ditunjukkan oleh anggota-anggota tentera kita yang tidak mengira hujan panas, siang atau malam mengawal dan menjaga keselamatan negara. Untuk meninggikan lagi semangat dan disiplin Angkatan Tentera kita, akankah ini lebih baik jika Kerajaan kita bercadang untuk memperingati jasa-jasa mereka yang pernah bertempur dan mengesan pengganas-pengganas komunis berbulan-bulan di dalam hutan, memberikan pingat, dengan izin, combat medal kepada mereka ini. Pingat-pingat lain juga perlu diberi kepada mereka yang pernah berkhidmat menjalankan operasi di dalam hutan di negeri Sabah, Sarawak ataupun di sempadan negeri Thai dan Malaysia dan ini juga untuk mengenangkan jasa-jasa dan pengorbanan mereka kepada bangsa, agama dan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menggulung sekarang.

**Tuan Andrew Janggi Muyang:** Terima kasih. Kenaikan pangkat juga

perlu dikaji berasaskan kepada kekosongan jawatan, kebolehan, kelayakan dan seniority dan bukannya berasaskan perkauman.

Untuk mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Labis.

4.13 *ptg.*

**Tuan Bahari bin Haron (Labis):** Tuan Yang di-Pertua, yang paling menarik perhatian saya di dalam Belanjawan kali ini ialah ingatan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyatakan bahawa memandangkan kepada keadaan ekonomi sekarang ini, Belanjawan tahun 1986 adalah bertujuan untuk mengukuhkan lagi imbangan pembayaran dan kedudukan kewangan sektor awam serta menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Dan yang penting sekali bagi saya ialah ingatan beliau bahawa kita perlu terus berjimat-cermat dan berkorban demi kepentingan jangka masa panjang. Perbelanjaan hendaklah selaras dengan kemampuan kewangan.

Perkataan "korban", Tuan Yang di-Pertua, penting oleh kerana kalau kita melihat daripada segi ataupun daripada tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh banyak pihak, dan tuntutan yang melibatkan kewangan yang begitu besar ialah tuntutan daripada CUEPACS. Bagi saya tuntutan untuk kenaikan gaji sudah tentulah mesti dihalusi dan jika ianya kena pada tempatnya dan kena kepada kebolehan kita, ianya perlulah disokong.

Sambil pihak CUEPACS menuntut gaji yang setimpal dengan kerja yang sepatutnya dibuat, pihak kakitangan Kerajaan perlulah mengkaji dengan mendalam akan prestasi ataupun

performance mereka dari semasa ke semasa. Ini penting oleh kerana kebelakangan ini terdapat sedikit sebanyak kekurangan yang perlu dianalisa, yang perlu dikaji di dalam perkhidmatan kakitangan Kerajaan kepada rakyat jelata.

Sebagai seorang Wakil Rakyat, saya selalu didatangi oleh mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar yang membawakan berbagai-bagai masalah yang terlibat secara langsung dengan kakitangan Kerajaan. Kelambatan merupakan satu perkara biasa di dalam perkhidmatan Kerajaan, kelambatan memberikan perkhidmatan yang sepatutnya diberikan. Kadangkala rakyat jelata datang dari jauh berbatu-batu dari pendalaman tidak mendapatkan perkhidmatan yang sepatutnya diberikan.

Kita selalu mendengar kelambatan yang berlaku di Pejabat-pejabat Tanah, misalnya kelambatan daripada segi mendaftarkan dokumen-dokumen sama ada pindah-milik ataupun gadaian ataupun kelambatan untuk mendapatkan surat kuasa dan sebagainya. Apakah sebenarnya yang berlaku dan apakah jalan-jalan yang perlu kita ambil untuk mengatasi masalah-masalah ini? Adakah kelambatan itu disebabkan oleh sistem ataupun disebabkan oleh attitude, dengan izin, pegawai-pegawai Kerajaan itu sendiri? Saya tidak menyatakan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan tidak menjalankan tugas dengan baik tetapi mungkin ada tempat-tempat ataupun areas of improvement, dengan izin, di mana kakitangan Kerajaan sendiri sepatutnya dapat cuba mengatasi, cuba mengenalpasti akan masalah-masalah yang selalu ditimbulkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembayaran pencen kakitangan

Kerajaan, ini adalah satu tanggungjawab Kerajaan yang termaktub di dalam Perlembagaan kita dan bebanan pencen ini kian bertambah dari setahun ke setahun. Saya mencadangkan supaya dikaji kemungkinan untuk menubuhkan satu revolving fund, dengan izin, di mana kemungkinan kita menyediakan sejumlah wang permulaan, misalnya \$1 billion dan revolving fund ini ditadbirkan oleh Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang mempunyai pengalaman begitu luas di dalam pelaburan dan daripada keuntungan ini bolehlah dibayar pencen yang sepatutnya dibayar kepada mereka yang telah bersara.

Satu lagi perkara yang selalu menyentuh rakyat miskin ialah mengenai bayaran bantuan bulanan yang dibayar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat yang saya rasa terlalu kecil jumlahnya iaitu pukul rata sebanyak \$10 sebulan bagi seorang yang berhak menerimanya. Saya berharap pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat dapat mengkaji semula akan kemungkinan menambah bayaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang telah menjalankan tugasnya dengan begitu baik tetapi Jawatankuasa ini pada pendapat saya tidak dapat bergerak dengan licin oleh kerana kekurangan belanja, kekurangan kakitangan dan kekurangan kerjasama dari jabatan-jabatan yang berkenaan untuk memastikan bahawa kira-kira mereka adalah kira-kira semasa. Sehingga ini kita hanya dapat mengkaji dan meneliti kira-kira Kerajaan sehingga tahun 1981 sahaja. Kita masih ketinggalan, tahun 1982, 1983, 1983 masih lagi belum dapat dikaji dan saya berharap pihak-pihak tertentu dapat memastikan bahawa kira-kira dapat diaudit dengan secepat

mungkin. Jika sekiranya dapat akaun-akaun yang dianggap current, bolehlah Jawatankuasa ini bermesyuarat sebulan sekali seperti yang diadakan di setengah-setengah negara di mana mereka pada tahun 1986 misalnya mengkaji kira-kira tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu tekanan atau penekanan Belanjawan tahun ini ialah penggalakan sektor pelancongan yang saya rasa memang kena pada masanya oleh kerana sektor ini akan menjadi satu sektor yang akan memainkan peranan yang penting kerana ianya berkemampuan membawa masuk lebih kurang \$3,000 juta setahun. Yang penting sekali ialah bagaimana kita dapat mengkaji kemungkinan menggalakkan lagi sektor ini melalui pembinaan infrastruktur yang lengkap.

Oleh kerana sektor ini adalah satu sektor yang penting yang memerlukan kepada kakitangan ataupun kepada jentera, yang terlatih, saya mencadangkan Kerajaan memberikan penekanan khusus terhadap sektor ini dengan menggunakan segala tenaga yang ada pada kita khususnya misi-misi kita yang terdapat di luar negeri yang kadang kalanya boleh kita anggap sebagai tidak terlibat secara langsung di dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan ini. Saya mengatakan demikian oleh kerana baru-baru ini saya telah melawat negara jiran Singapura dan dapat bertemu dengan pihak-pihak yang berkenaan yang bersangkutan paut dengan penggalakkan pelancongan di sana dan saya juga telah dapat berjumpa dengan setengah-setengah pegawai tinggi di Kedutaan kita di sana dan saya sungguh hairan oleh kerana kebanyakannya ataupun setengahnya tidak tahu tempat-tempat yang menarik yang terdapat di Negeri Johor misalnya sedangkan rakyat Singapura memang mengetahui akan pusat-pusat pelancongan yang

terdapat di Negeri Johor itu sendiri yang sentiasa menarik minat rakyat jelata Smgapura.

Kita juga perlu mengkaji bagaimana kita dapat meninggikan lagi infrastruktur ataupun facilities, dengan izin, yang dapat kita tunjukkan yang boleh menarik pelancong-pelancong daripada luar negeri. Daripada pengalaman-pengalaman negara-negara maju misalnya Amerika, Jepun dan sebagainya, kita dapat perhatikan begitu banyak sekali wang dibelanjakan untuk sektor pelancongan. Pembinaan pusat-pusat pelancongan yang menarik perhatian misalnya Disneyland di Amerika dan Disneyland di Tokyo yang menelan belanja yang begitu banyak tetapi perbelanjaan yang dibelanjakan itu memanglah menguntungkan negara-negara tersebut dan saya rasa kita boleh mempelajari dari pengalaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting ialah mengenai kemalangan jalan raya yang sentiasa meningkat. Dalam tahun 1975 daripada data yang ada pada saya menunjukkan kemalangan yang berlaku 48,233 melibatkan 75,653 buah kenderaan berbagai jenis yang juga melibatkan kerugian kepada kenderaan dan harta benda yang berjumlah \$10.4 juta. Tahun 1979, lima tahun kemudian angka ini bertambah. Jumlah kemalangan 57,931 melibatkan 94,788 kenderaan, kerugian berjumlah \$23.3 juta. Tahun 1984 kemalangan berjumlah 73,277 melibatkan 128,969 kenderaan dan kerugian yang dialami \$39.8 juta. Daripada statistik antarabangsa menunjukkan bahawa kemalangan-kemalangan jalan raya di negara ini merupakan yang paling tinggi sekali di dalam dunia. Langkah-langkah perlu diambil bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini dan salah satu daripada ura-ura Kerajaan baru-baru

ini ialah menaikkan umur pemegang lesen daripada 16 ke 17 tahun untuk motosikal dan 18 ke 19 tahun untuk kereta. Kalau sekiranya masalah umur ini ialah salah satu daripada punca yang menyebabkan begitu banyak kemalangan, saya rasa tidak memadai dengan dinaikkan daripada 16 ke 17 tahun sahaja, mungkin ke satu paras yang lebih tinggi sedikit untuk motosikal dan juga untuk kereta.

Seksyen 32 (1) Road Traffic Ordinance—Ordinan Jalanraya di mana jika seseorang itu didapati bersaiah memandu kenderaan dengan cara yang lalai atau without due care and attention, dengan izin, lesen pemandu boleh diendorse atau dicap. Saya rasa peruntukan ini tidak memadai dan perlulah dikaji. Kemungkinan mereka ini didapati salah digantung lesennya mungkin untuk masa tiga bulan atau enam bulan bergantung kepada gravity of the offence, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah juga terlibat di dalam pembangunan tanah secara besar-besaran di kawasan-kawasan pembangunan Wilayah. Ini adalah satu usaha yang baik tetapi perbadanan-perbadanan yang terlibat juga dibebankan dengan tugas-tugas lain seperti menggalakkan industri.

Di KEJORA (Lembaga Kemajuan Johor Tenggara) misalnya terdapat kawasan industri yang kami dapati susah untuk dimajukan oleh kerana tugas-tugas yang dijalankan adalah sepatutnya dijalankan oleh SEDC (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri) oleh kerana mereka lebih berpengalaman. Dan kawasan-kawasan yang diberikan kepada kawasan-kawasan wilayah ini biasanya tidaklah menarik seperti kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan perindustrian yang diberikan kepada SEDC.

Jadi, saya mencadangkan supaya segala aktiviti perindustrian disetiap negeri hendaklah melibatkan dengan secara langsung SEDC—SEDC bukan semata-mata Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah seperti yang dijalankan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita hendak membangunkan negara kita, kita memerlukan infrastruktur yang dapat menjamin kemajuan negara dan membina begitu banyak pelabuhan-pelabuhan misalnya. Tetapi di dalam pembinaan sesebuah pelabuhan itu kita perlulah mengkaji semula pengalaman kita dengan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada. Misalnya pelabuhan kita di Kuantan. Sungguhpun sedikit sebanyak telah menunjukkan prestasi yang meningkat tetapi sebelum kita membina lebih banyak pelabuhan-pelabuhan, kita mestilah menumpukan kepada pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada. Kita tidak mahu di mana terdapat begitu banyak pelabuhan-pelabuhan yang tidak mendatangkan keuntungan yang tidak viable.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menggulung sekarang?

**Tuan Bahari bin Haron:** Baik, terima kasih. Jadi memadailah dengan pelabuhan yang sedia ada pada hari ini, di sebelah selatan terdapat Pasir Gudang di Johor, di Pantai Timur kita dapat Pelabuhan Kuantan, di pantai barat kita ada dua pelabuhan yang besar iaitu Pulau Pinang dan juga Pelabuhan Kelang.

Jadi kalau begitu banyak pelabuhan diberikan kepada sektor ini, sudah tentulah kalau sekiranya pelabuhan-pelabuhan itu tidak viable akan merugikan pihak Kerajaan di masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kinabatangan.

4.33 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan):** Tuan Yang di-Pertua, ternyata kepada kita semua bahawa tema Belanjawan negara 1986 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan ialah pengorbanan.

Dalam keadaan ekonomi negara dan juga ekonomi dunia yang masih berada dalam keadaan merosot maka tentulah pengorbanan daripada semua pihak dalam mengatasi masalah-masalah negara adalah sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad dan pihak CUEPACS kerana telah berjaya mengelakkan satu rancangan mogok oleh kakitangan Perkhidmatan Awam yang kesannya nanti akan melibatkan gangguan kepada keseluruhan negara kita. Saya yakin bahawa pembatalan rancangan mogok itu tercapai kerana kedua belah pihak iaitu pihak Kerajaan dan CUEPACS telah sama-sama menunjukkan keikhlasan dan pengorbanan untuk kepentingan negara kita.

Contoh dan teladan yang baik ini haruslah menjadi pegangan dan amalan kita semua dalam menyelesaikan masalah-masalah negara kita demi kesejahteraan dan kemakmuran Malaysia selamlamanya.

Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan saya mewakili satu kawasan pilihanraya Parlimen yang terbesar di negeri Sabah. Kerana saiz kawasan ini begitu besar tentulah memerlukan berbagai bantuan daripada Kerajaan. Saya dengah hati yang tulus ikhlas dan sukacita merakamkan di Dewan yang mulia ini berbilang penghargaan dan terima kasih saya sendiri dan juga penduduk-penduduk kawasan pilihanraya Kinabatangan kerana usaha-usaha Kerajaan Barisan

Nasional memajukan kawasan ini khususnya dan negeri Sabah amnya.

Sebagai contoh jalan raya Sukau dalam daerah Kinabatangan yang berharga kira-kira \$25 juta telah pun siap dibina dan dirasmikan penggunaannya pada 10hb April, 1985. Kerja-kerja pembinaan jambatan besi menyeberangi Sungai Kinabatangan dan Sungai Segama bernilai kira-kira \$50 juta serta pembubuhan tar ke atas jalan raya Sandakan/Telupid dan Sandakan/Lahad Datu bernilai kira-kira \$217 juta akan dimulakan pembinaannya pada tahun hadapan. Saya sendiri lebih-lebih lagi bersukacita kerana rayuan-rayuan mengenai pelaksanaan ketiga-tiga projek ini yang saya suarakan di Dewan yang mulia ini sejak tahun 1978 akhirnya berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak semua penduduk negeri Sabah, saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir kerana telah memberikan peruntukan berjumlah kira-kira \$400 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk pembinaan dan meninggikan taraf jalan raya-jalan raya di seluruh negeri Sabah,

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada serangan mengejut oleh lanun-lanun ke atas pekan Lahad Datu, Sabah pada penghujung bulan September lalu banyak cadangan untuk mengatasi kejadian-kejadian serupa ini telah disuarakan oleh pihak Kerajaan dan juga orang ramai. Saya ingih mencadangkan iaitu bagi memperkemaskan lagi kawalan keselamatan di sepanjang pantai timur negeri Sabah maka kekuatan dan

keanggotaan Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD) hendaklah ditambah untuk merangkumi kawasan Bukit Garam, Kinabatangan, Telupid dan juga Beluran.

Saya bersetuju dengan pendapat bahawa agak sukar juga bagi pasukan-pasukan keselamatan kita mengawal setiap pelusuk negara ini daripada serangan kecil atau besar dari dalam ataupun luar negeri pada setiap masa, kerana Malaysia amat luas kawasan tanah dan perairannya. Saya hanyalah berharap supaya dalam semua usaha-usaha dan tindakan-tindakan pasukan polis dan tentera diperketatkan lagi kawalan terhadap serangan musuh atau serangan tindakan balas kita kepada musuh kita maka tindak balas pasukan polis dan tentera itu mestilah senantiasa ada dan berkesan dan jika perlu penyelarasan tindakan-tindakan seumpama itu haruslah diperbaiki lagi daripada apa yang terdapat pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya negara-negara di dunia pada masa ini menghadapi dua masalah yang besar iaitu pertama kemerosotan ekonomi dan kedua kerapnya berlaku pertukaran sistem pentadbiran negara-negara yang tertentu. Ada negeri-negeri yang telah mengisytiharkan ketidak mampuan membayar balik hutang negara mereka dan ada pula negara-negara yang telah bertukar corak atau sistem pemerintahan dan seterusnya dikuasai oleh tentera-tentera negara asing. Kita di Malaysia amatlah bertuah kerana kemerosotan ekonomi kita tidak seteruk yang dialami oleh negara-negara lain. Sistem pentadbiran negara kita juga tidak bertukar dan senantiasa dalam keadaan stabil, kukuh dan popular. Walau bagaimanapun, beberapa langkah tambahan untuk memperketatkan lagi persiapan-persiapan kawalan keselamatan negara kita haruslah dikaji semula oleh Kerajaan. Antaranya ialah

mewajibkan perkhidmatan ataupun latihan tentera selama kira-kira 2 tahun bagi belia-belia kita.

Saya rasa masanya sudah sampai bagi mewajibkan perkhidmatan atau latihan tentera ini, kerana tugas mempertahankan negara kita tidak lagi seharusnya dibebankan 100% kepada Pasukan-pasukan Keselamatan kita. Lagi pun, Tuan Yang di-Pertua, sudah ada pula negara-negara jiran yang lebih kecil daripada kita, yang telah pun mewajibkan perkhidmatan tentera kepada rakyatnya.

Saya menyedari bahawa mewajibkan perkhidmatan atau latihan tentera itu sendiri tidak menjamin keselamatan negara ini 100%, tetapi biarlah langkah ini kita jadikan sebagai satu langkah atau percubaan ataupun ikhtiar kita ke arah mempercepatkan lagi pencapaian matlamat Malaysia iaitu makmur dan selamat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Akta Perbekalan, 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.42 ptg.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bersama membahaskan Ucapan Belanjawan 1986 ini, yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 25-10-85 yang lalu.

Belanjawan yang dibentangkan pada umumnya adalah Belanjawan yang paling ringan dan menyenangkan, tidak ada cukai baru yang membebankan rakyat dan kerana itu lantas orang mengatakan bahawa Belanjawan ini adalah Belanjawan Pilihanraya.

Ramai orang meramalkan bahawa pilihanraya akan diadakan pada bila-bila masa sahaja daiam tahun 1986 ini. Bulan April dan bulan Ogos adalah tarikh-tarikh yang paling popular disebut-sebutkan oleh orang ramai. Ada juga yang meramalkan bahawa Dewan Rakyat ini akan dibubarkan sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pulang daripada lawatannya ke Republik Rakyat China. Pada saya ramalan-ramalan itu tidak boleh diyakini kerana ianya tidak mempunyai asas-asas yang kukuh, tidak ada sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak membubarkan Dewan ini lebih awal dan mengadakan pilihanraya pada masa yang sepatutnya iaitu April 87 atau masa genapnya 5 tahun Penggal Keenam Dewan ini, kerana nampaknya tidak ada apa-apa yang mengugat kedudukan Kerajaan sekarang, selain daripada keadaan kemelesetan ekonomi yang dirasakan kesannya oleh sebab berlakunya kemelesetan ekonomi yang dirasakan kesannya oleh sebab berlakunya kemelesetan ekonomi dunia. Selain daripada itu ada beberapa faktor yang tidak membolehkan Kerajaan atau yang menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berfikir beberapa kali sebelum hendak membubarkan Dewan dan mengadakan pilihanraya baru pada masa-masa yang diramalkan oleh orang ramai itu.

Faktor pertama yang saya berkata demikian ialah keadaan MCA sekarang ini salah sebuah parti komponen Barisan Nasional terbesar, yang masih keadaannya belum menentu. Walaupun usaha-usaha menyelesaikannya sedang berjalan dan mungkin akan selesai, tetapi nampaknya tidak selancar seperti yang diduga pada awalnya.

Rasa tidak puas hati segolongan pemimpin MCA atas perjalanan

penyelesaian itu membuatkan keadaan tidak menentu dan menggugat perdamaian dan perpaduan kaum Cina yang berada dalam MCA. Keadaan yang seperti ini menyebabkan sebilangan ahli-ahli MCA tidak akan memberikan sokongan bulat kepada Barisan Nasional atau mereka akan lari dan menyokong mana-mana parti politik yang berada di luar Barisan Nasional dalam pilihanraya pada kali ini.

Faktor yang kedua adalah tuntutan CUEPACS. Walaupun pada masa ini telah berlaku perlucutan senjata di antara kedua pihak iaitu CUEPACS dan Kerajaan di mana CUEPACS sebagai pekerja dan Kerajaan sebagai majikan, tetapi keadaan yang sebenar belum dapat diramalkan dan bila akan diselesaikan, masing-masing belum mengundurkan diri pada garis gencatan senjata mereka. Cuepacs belum bersedia membatalkan rancangan mogoknya, hanya sekadar menangguhkan sahaja rancangan itu, sedangkan Kerajaan masih belum bersedia memenuhi tuntutan CUEPACS, hanya sekadar mahu berunding, tetapi masih bertahan dengan alasan keadaan kedudukan kewangan negara yang tidak mengizinkan.

Walau macamana pun, kita berdoa barang dijauhkan Allah daripada berlakunya sebarang kejadian yang tidak diingini", kerana jika ianya berlaku tidak ada siapa yang unlung selain daripada membuka peluang kepada musuh-musuh negara yang senantiasa mencari dan menunggu keadaan yang buruk berlaku. Pada mula kejadian ini berlaku, saya amat ragu dengan cara dan sikap Kerajaan bertindak bagi menghadapi persoalan ini. Pada satu peringkat masing-masing telah membina dan mengumpulkan kekuatan, tetapi alhamdulillah ia hanya sekadar mahu menguji kekuatan masing-masing dan mengenal kelemahan-kelemahannya.

Faktor ketiga, keadaan politik di Sabah yang sedang kalut. Dengan kekalahan BERJAYA oleh dua buah parti politik Sabah iaitu USNO dan PBS, maka berlakulah apa yang tidak pernah berlaku dalam sejarah politik Malaysia. Tun Datu Mustapha, Presiden USNO yang diberi kepercayaan mengetuai Kerajaan Sabah selepas pilihanraya April 1985, dengan sewenang-wenangnya telah ditarik balik kepercayaan itu dan lantas diberi kepada Presiden PBS Datuk Joseph Pairin dan dengan itu berlakulah dan bermulalah satu krisis Perlembagaan di Sabah,

Dengan terbentuknya Kerajaan PBS di Sabah, maka polarisasi pun mula menajam, kegelisahan mula menyelubungi suasana kehidupan rakyat Sabah lebih-lebih lagi dengan kegiatan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang masing-masing mencari perlindungan dan tempat berteduh yang sesuai menambahkan lagi kegelisahan yang tersebut.

Saranan yang dibuat bagi menyelesaikan masalah ini dengan membentuk Kerajaan Campuran Sabah adalah sebaik jalan yang ada pada masa ini, tetapi saranan itu hendaklah ianya benar-benar bersifat jujur, jangan ianya merupakan alat bagi menyampaikan hasrat PBS semata-mata. Umpamanya bagi menyelematkan kedudukan diri sendiri yang sedang berada dalam keadaan kepayahan atau dengan tujuan bagi membolehkan PBS diterima oleh Barisan Nasional, maka digunakanlah orang lain sebagai alat. Apa yang penting dalam hal ini ialah bagaimana mewujudkan suasana yang membolehkan rakyat hidup rukun damai dan menerima manfaat dari sebuah Kerajaan.

Faktor yang keempat, ialah keadaan UMNO yang tidak stabil di saat-saat akhir ini khususnya di Kelantan yang masih belum pulih daripada demam

kepialunya, ditambah dengan murah hati PAS seperti orang tua-tua kata:

Baiknya seperti mak serendang,  
Dagang lalu ditanakkan,  
Anak di rumah kelaparan,  
Kera di hutan disusui,  
Anak di riba dilepaskan.

Dengan dijanjikan umpan gula-gula konon kedudukan orang-orang bukan Melayu akan lebih terjamin bila parti itu dapat memerintah, iaitu menjanjikan penghapusan hak istimewa orang Melayu yang mengikut setengah kalangan bahawa hak istimewa ini menjadi penghalang kepada cita-cita mereka. Dengan keadaan demikian, ada kemungkinan Kelantan sekali lagi akan terlepas ke tangan parti politik Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah beberapa di antara faktor di mana kemungkinan pilihanraya tidak dibuat oleh Kerajaan sekarang dalam jangka masa yang diramalkan oleh orang ramai. Oleh itu, Belanjawan ringan yang dibentangkan itu tidak bolehlah dianggap sebagai Belanjawan pilihanraya. Pada saya inilah sahaja jalan dan cara pilihan yang paling baik bagi Kerajaan untuk menjayakan strategi Belanjawan 1986 di dalam menghadapi kelembapan ekonomi antarabangsa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang hangat diperkatakan sekarang iaitu isu sensitif dan memang telah diperundangkan sebagai perkara yang sensitif yang ditimbulkan oleh segolongan orang dengan tujuan menarik sokongan orang bukan Melayu terhadap golongan itu. Isu tersebut ialah hak istimewa orang-orang Melayu. Mengikut mereka, dalam Islam tidak ada hak istimewa, tidak ada bumiputera, oleh itu mereka mencadangkan penggunaan berbagai-bagai bahasa dalam pentadbiran

Kerajaan dan persekolahan dan menjamin persamaan hak dalam semua lapangan hidup jika mereka dapat memerintah. Walaupun perkara hak istimewa orang Melayu ini telah diperundang-undangkan dan melarang sesiapa mempersoalkannya, namun Kerajaan tidak berbuat apa-apa terhadap orang yang mempersoalkannya. Oleh itu, pada hari ini makin ramai orang berani mempersoalkannya di mana-mana, di kedai-kedai kopi, dalam Parlimen sendiri dipersoalkan tentang hak istimewa orang Melayu ini sendiri. Anggota Barisan Nasional sendiri dalam Dewan ini pun memperkatakannya, mereka berani mencadangkan supaya perkataan "bumiputera" yang terdapat dalam perkara-perkara hak dihapuskan. Mereka mencadangkan penghapusan sistem kuota bantuan pelajaran kepada bumiputera. Mereka juga mencadangkan penggunaan berbagai bahasa di sekolah-sekolah, konon dengan alasan untuk menghilangkan rasa tidak puas hati orang-orang Tionghua yang sentiasa tertekan dan lantas dengan itu akan mengurangkan polarisasi, kononnya.

Anggota Barisan Nasional itu mengajak kita memahami perasaan orang-orang Tionghua yang mengikut beliau sentiasa tertekan oleh keadaan yang ada. Saya pula mengajak kaum Tionghua dan khususnya Ahli yang tersebut memahami keadaan dan perasaan orang Melayu dan bumiputera lain dalam negara ini yang sekian lama tertindas dalam zaman penjajahan British dahulu yang pada ketika itu orang-orang Tionghua atau kaum Tionghua menjadi anak emas penjajah British. Hanya baru selepas merdeka bumiputera merasakan sedikit nikmat hidup di bumi mereka sendiri, itupun tidak lebih daripada semata-mata untuk memperseimbangkan keadaan yang pincang selama ini.

Untuk memberi kesejahteraan bersama seperti yang dituntut oleh orang Islam kerana masyarakat yang tidak seimbang akan menimbulkan bermacam gejala buruk yang boleh menghapuskan kesejahteraan bersama yang dituntut itu. Saya hairan sebagai seorang anggota Barisan Nasional, beliau sendiri tidak memahami hasrat Kerajaan yang sama-sama mereka dokong hingga dengan sikap ini akan boleh menimbulkan keraguan rakyat terhadap kejujuran parti yang beliau wakili dalam . sama-sama melaksanakan hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang dimodelkan sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, orang Tionghua harus memahami bahawa mendapatkan hak istimewa itu orang Melayu telah membayarnya dengan harga yang sangat mahal. Orang Melayu telah menggadaikan separuh daripada haknya di tanah Melayu Malaysia ini. Setelah orang-orang Tionghua memperolehi hak gadaian ini, tiba-tiba mempersoalkannya pula hak-hak istimewa orang Melayu itu. Ini adalah satu hal yang tidak patut. Orang-orang Tionghua juga harus memahami bahawa pada satu ketika dahulu telah dicipta satu model, model Malaysia dan siapa-siapa yang ingin memilikinya dipersilakan. Selepas mereka memiliki Malaysia yang telah diciptakan sedemikian rupa tiba-tiba mereka tidak pula puas hati dan ingin membaikinya sedangkan model yang seperti itu adalah hak milik bersama yang dipersetujui bersama sebelum daripada itu. Sepatutnya bila mereka tidak bersetuju dengan model demikian, silalah cari model lain. Ada banyak lagi negara-negara lain yang barangkali boleh memuaskan hati mereka, silalah, tidak ada siapa pun yang akan menahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Ke 28 baru-baru ini, tema yang diutarakan ialah

"Nasionalisme Teras Perpaduan". Tema ini adalah amat wajar dan slogan ini diketengahkan adalah satu hal yang sepatutnya diberi perhatian oleh kita semua. Memandangkan semangat nasionalisme telah mula pudar dalam kehidupan kepada negara di Malaysia pada hari ini, rakyat seolah-olah melupakan perjuangan bangsa Malaysia dalam usaha memerdekakan negara ini. Kelupaan ini harus dikejutkan kembali dengan slogan-slogan dan amalan-amalan. Dalam usaha mengisi kemerdekaan, nasionalisme memainkan peranan yang amat penting, kalau tidak, rakyat Malaysia" akan mengisi kemerdekaan dengan cara mereka sendiri. Mereka asyik berebut-rebut mengisi kantung mereka dengan wang dan harta sebagai cara mengisi kemerdekaan, iaitu mencari kesejahteraan hidup dengan kebendaan semata-mata tanpa mempedulikan nasib negara. Falsafah kepada negara dilupakan terus, asalkan hasrat sendiri tercapai. Hal-hal yang seperti ini jelas kelihatan sekarang. Gejala buruk yang akan menimpa negara dilupakan rakyat.

Semangat nasionalisme ialah semangat sayangkan bangsa dan negara. Negara yang disayangi ini ada bahasa rasminya yang boleh menggambarkan kebesaran bangsa itu. Apakah kita lupa mengamalkan penggunaan bahasa rasmi merupakan sebahagian daripada pengisian terhadap kemerdekaan itu sendiri. Hari ini sudah agak jelas bahawa kita telah mula mengabaikan penggunaan bahasa rasmi negara kita. Bahasa yang kita harapkan dan kita yakini akan dapat menyatukan kehidupan berbagai bangsa yang ada dalam negara kita ini. Adakah pengabaian ini termasuk dalam sikap Kerajaan yang dikatakan liberal? Kalau ya, maka ianya amatlah dikesalkan.

Tuan Yang di-Pertua, konsep Pandang Ke Timur adalah satu konsep

yang baik. Kita ambil Jepun sebagai contoh bagi rakyat kita bekerja membangunkan negara, tetapi kita ketinggalan satu perkara baik yang diamalkan oleh rakyat dan Kerajaan Jepun. Rakyat Jepun bangga menggunakan bahasanya, rakyat Malaysia belum tentu. Kerajaan Jepun selamanya, di mana-mana sahaja dan dalam fungsi apapun tetap menggunakan bahasa Jepun. Mereka tidak mengabaikan bahasa dan mereka tetap juga berjaya. Dalam upacara apa pun, baik ianya di peringkat antarabangsa atau apatah lagi dalam urusan-urusan yang berhubung dengan dalam negeri, bahasa Jepunlah yang digunakan. Kalau hendak dikira orang yang berbahasa Jepun, dtanya lebih jauh sedikit daripada umat kita yang menggunakan bahasa Melayu. Orang yang menggunakan bahasa Melayu menjangkau lebih daripada 100 juta orang, sebab itulah orang Jepun menjadi bangsa yang besar dan mengapa pula kita sangat malu menggunakannya. Kita malu menggunakan bahasa rasmi kita, sebab itulah kita tidak menggunakannya dalam masa membuka, menutup upacara, seminar yang kalau ianya dihadiri oleh golongan atasan atau oleh orang yang berbagai-bagai bangsa penduduk negara ini. Kita lebih mementingkan mesej yang hendak disampaikan. Orang yang tidak mengerti dan tidak memahami bahasa rasmi negara ini tidak begitu berminat untuk mempelajarinya selagi kita sendiri memberikan kemudahan kepada mereka bagi memahami mesej kita melalui bahasa lain yang mereka faham.

Adalah sudah terlalu lama bagi kita memberi peluang kepada rakyat bukan Melayu di negara ini mempelajari bahasa rasmi negara mereka sendiri yang mereka akui negara ini adalah negara mereka dan

sekarang Kerajaan hendaklah tidak akan mengabaikan lagi penggunaannya dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang indah ini. Semoga perarakan keranda bahasa 1967 tidak akan berulang lagi dalam Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Mukah.

5.01 *ptg.*

**Dr Leo Michael Toyad (Mukah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian juga dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober. Saya ingin menyatakan saya setuju bahawa Rang Undang-undang Perbekalan ini adalah satu Belanjawan yang tepat dan sesuai untuk iklim ekonomi sekarang. Dalam masa terhad perbahasan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh cuma satu, dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di sini mengenai pembangunan infrastruktur yang saya fikirkan masih kekurangan di Sarawak dari segi panjangnya jalan, kesukaran perhubungan manusia dari segi fizikal dan komunikasi masa. Kita harap dengan usaha-usaha yang ada sekarang, kerjasama di antara kedua Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri diteruskan dalam pembangunan yang kita masih menjalani sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak adalah satu kawasan dalam Malaysia yang masih banyak potensi untuk pembangunan yang besar, pembangunan komunikast yang teratur selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri, bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapat hasil yang sewajarnya demi untuk rakyat jelata dan akhirnya membentuk sebuah negara yang bertenaga, rakyat

yang bergiat maju, sama bersepadu menyumbang tenaga dan juga tenaga fikiran, tenaga wang untuk membina Malaysia supaya menjadi satu negara yang teguh dan bersatu bila kita keluar dari iklim kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyatakan bahawa tekanan akan diberi kepada sektor pertanian dan digalakkan untuk pertumbuhan ekonomi di dalam sektor pertanian.

Di sini saya ingin menyentuh sedikit bahawa dalam bidang pertanian di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sarawak di mana saya telah menyatakan selalu bahawa tanah masih luas untuk pembukaan ladang dan juga untuk pembangunan-pembangunan dalam bidang pertanian.

Di sini saya ingin mengemukakan satu pandangan dalam sektor pertanian yang saya berpendapat masih kurang di negeri Sarawak ialah penglibatan badan-badan kewangan atau badan-badan seperti bank yang telah lama menetap di negeri Sarawak dan saya berpendapat bahawa di masa ini masih kurang penglibatan di dalam segi pembukaan tanah untuk ladang-ladang dan untuk kegiatan-kegiatan ekonomi di luar bandar, selain dari pertanian dan mana-mana ekonomi industri kecil di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya di sini bahawa adakah masalah ini dapat diatasi kerana alasan yang banyak dikemukakan bahawa dalam penglibatan badan-badan kewangan ini, dalam pembangunan atau pembukaan ladang-ladang atau tanah dan industri-industri kecil di luar bandar ialah kurangnya tapak tanah dan juga alasan pemilikan tanah itu susah untuk diusahakan dari segi perjalanan atau pentadbiran

kewangan badan-badan kewangan itu. Tetapi dari pandangan saya, ini bukan menjadi satu masalah kerana kalau kita memandangkan dari segi pembangunan asal atau sumber asli kita seperti tanah ini, yang patut kita tekankan dan beri keutamaan ialah cara kita untuk mengeluarkan hasil yang lebih atau yang menguntungkan rakyat jelata dan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Malaysia kita supaya ia dapat mengadakan peruntukan untuk menjalankan pembangunan di sektor-sektor yang lain. Jadi, saya berpendapat bahawa di sini sektor swasta dan badan-badan kewangan dapat menyumbangkan juga dalam pembangunan luar bandar.

Masalah-masalah yang telah saya nyatakan tadi dapat diatasi kalau kita dapat memberi pertimbangan yang lebih mendalam dan perkara-perkara teknikal yang kita dapat atur supaya kita sama-sama mencapai matlamat untuk membangunkan kawasan-kawasan yang masih mundur dan untuk meninggikan taraf hidup rakyat di dalam sektor pertanian ini.

Menyentuh dasar bahawa kalau kita memandang kepada pembangunan tanah ini, yang penting sekali ialah hasil dari tanah ini. Saya tidak bersetuju dan ada juga pihak yang menyatakan bahawa pemilikan-pemilikan tanah adalah satu asas untuk kita membangunkan kawasan-kawasan di luar bandar kerana kalau di satu negeri seperti Sarawak kawasannya besar dan kalau kita melibatkan teknologi-teknologi yang kita ada dan tenaga-tenaga manusia yang kita ada sekarang, pembangunan kita akan tidak dapat berjalan dengan lancar kerana kalau kita telah memandang balik dalam masa pembangunan kawasan-kawasan yang besar, kita menunggukan proses menyukat tanah dan berbagai-bagai proses dalam mengaturkan supaya pemilikan tanah dapat diatur dan

supaya usaha-usaha untuk membangunkan kawasan itu dapat dijalankan.

Kalau kita dapat memotongkan satu langkah supaya tanah ini kita tidak menekankan bahawa siapa pemiliknya walaupun membiarkan pemilikan itu didasarkan atas pemilikan Kerajaan atau penglibatan rakyat itu secara saham-saham atau juga pertubuhan-pertubuhan yang kita ada sekarang seperti Persatuan Peladang di mana penglibatan rakyat di sekeliling dan di kawasan untuk diusaha itu. Dengan cara ini saya percaya usaha kita untuk mendapat hasil dari pertanian dan membangunkan kawasan-kawasan pendalaman di mana potensi-potensi pertanian dapat dipercepatkan lagi dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini kerana saya telah mendengar dalam perbahasan kali ini banyaknya pihak-pihak khasnya pihak Pembangkang yang telah melaung-laungkan satu masalah, dengan izin, "polarisasi kaum".

Ini telah dikemukakan sebagai satu masalah yang besar dan nasional oleh satu dua pihak Pembangkang yang telah melaung-laungkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyaknya sebab-sebab dan alasan telah dikemukakan dan ditimbulkan untuk menyatakan perkara polarisasi kaum ini "wujud dengan merebaknya". Masalah perkauman ini tidak dapat dipersalahkan di atas dasar-dasar Kerajaan yang wujud sekarang kerana kita semua faham hasrat Kerajaan dalam dasar-dasarnya yang penuh itu dengan niat untuk menyatukan negara kita Malaysia kerana ini adalah satu asas untuk kita memajukan negara kita membangun dan tidak sekali kita dapat menjalankan kemajuan atau pembangunan, kalau kita tidak ada perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua adalah sedar betapa pentingnya membina negara yang maju dan kuat dan kita harus menekankan perpaduan dan intergrasi nasional dengan dasar-dasar yang Kerajaan telah kemukakan dan yang wujud sekarang, dengan perpaduan ini juga penting kerana inilah satu kekuatan kita sebagai negara dengan sejarah seperti Malaysia dapat mempertahankan dan memperkukuhkan kubu kemerdekaan dan kedaulatan kita.

Ini yang kita faham satu pendapat yang dilaung-laungkan itu di mana satu pendapat yang kita dapat anggapkan sebagai "conception" dari orang-orang yang kurang modal kerana saya percaya kalau menyatakan polarisasi kaum ini berasaskan dan bersangkutan paut dengan Dasar Ekonomi Baru kita, saya tidak setuju sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini yang kita faham satu dasar yang menyeluruh dan kita faham yang telah dilaung-laungkan digolongan negara-negara yang membangun kerana ini satu dasar sosio-ekonomi yang pragmatik dan realistik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin lagi mengulang-ulang sebab-sebab golongan yang tidak puas dengan dasar ini kerana rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini telah menyatakan dengan jelasnya. Malaysia memang banyak kaum-kaum tetapi kita ada satu kewarganegaraan dan satu negara. Pihak Pembangkang dan pengamal idea polarisasi ini memberi gambaran bahawa mereka ini berjuang untuk mengubahkan satu keadaan yang semula jadi bahawa dalam dunia ini kita hanya satu ada golongan manusia tetapi berbagai-bagai corak dan berbagai-bagai sikap dan semuanya bersifat dan bersikap berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang pelek sekali. Perbezaan di antara

makhluk-makhluk itu yang wujud dari beribu-ribu tahun itu diberi rekaan nama baru oleh mereka seperti polarisasi kaum dan saya percaya ini bukan satu masalah tetapi adalah satu rekaan mereka untuk mencari modal politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan dengan dasar yang telah dikemukakan dan yang diura-urakan bahawa Kerajaan akan menjalankan satu usaha untuk mempereratkan lagi perpaduan kita menerusi dasar-dasar pelajaran seperti pembangunan sekolah-sekolah integrasi. Saya harap usaha-usaha ini dapat sambutan seperti sambutan dalam dasar-dasar kita untuk berusaha supaya integrasi kita dan perpaduan kita akan tetap di negara kita Malaysia ini.

Dan dengan itu, saya ingin menyatakan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

### 5.15ptg.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Belanjawan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb bulan yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih di atas Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri dan sehubungan dengan itu saya inginlah menarik perhatian kepada beberapa perkara yang saya kira mempunyai kesan ke arah menstabilkan lagi kedudukan ekonomi negara, terutamanya dari segi imbalan pembayaran. Dari aspek perdagangan tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia telah menunjukkan satu prestasi imbalan

pembayaran yang baik tetapi bagi sektor perkhidmatan, keadaannya tidaklah memuaskan di mana defisit telah bertambah dari \$1.71 billion dalam tahun 1978 kepada \$5.6 billion pada tahun 1985.

Keadaan ini berpunca daripada pembayaran untuk perkapalan, insuran perjalanan, faedah, perbelanjaan-perbelanjaan untuk dividen, keuntungan dan faedah pinjaman. Berdasarkan kenyataan tersebut ternyata bahawa peranan sektor perkhidmatan dalam membantu mengimbangkan imbalan pembayaran negara adalah semakin penting.

Oleh hal yang demikian, langkah-langkah yang wajar perlu diambil bagi memastikan sektor ini memainkan peranan tersebut dengan tepat dan berkesan. Antara langkah-langkah yang patut diambil adalah dari segi perkapalan. Di samping insentif-insentif yang sedia ada, perkara-perkara yang berikut perlulah diberi perhatian.

Pertama, mengemaskinikan jentera Kerajaan dalam menghadapi soal-soal yang berkaitan dengan perkapalan yang mana pada masa ini menjadi tanggungjawab 5 buah jabatan. MISC selaku syarikat perkapalan terbesar haruslah diberi tanggungjawab bagi meningkatkan lagi keupayaan sektor perkapalan dengan penyertaan PNSL. Equiti MISC boleh dan haruslah diperluaskan kepada pihak awam dan luar negeri, mungkin daripada United Kingdom di mana industri perkapalan begitu merosot, bukan sahaja kerana tingginya kos dalam negara tetapi juga ekor dari persaingan akibat perusahaan industri; perkapalan Jepun dan Amerika.

Langkah-langkah lain ialah dengan memajukan lagi industri pelancongan di negara ini dengan mana kita harap cara ini akan meransangkan lebih

ramai pelancong berkunjung ke negara kita dan di masa yang sama kita akan dapat hasil yang lumayan.

Di samping itu cadangan untuk menurunkan Cukai Perkhidmatan dari 10% kepada 5% adalah wajar. Di dalam hal ini perlu dipastikan bahawa penurunan ini dipraktikkan oleh pihak-pihak yang terlibat. Dengan mengambil kira perkara-perkara yang saya sebutkan tadi kita harap sektor perkhidmatan akan dapat memberikan sokongan yang lebih bererti dalam imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sebutkan ialah mengenai bahan makanan. Adalah satu hal yang nyata bahawa kita masih lagi mengimport keperluan makanan kita termasuk beras. Untuk itu, aktiviti pengeluaran padi perlu diberi perhatian berat untuk membolehkan bahan ini tidak lagi diimport di masa-masa akan datang kerana sedikit sebanyak ianya akan memberi kesan kepada imbalan dagangan negara. Dalam hal ini pengecualian duti import kepada peralatan pertanian adalah dialu-alukan. Sehubungan dengan ini juga saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula unsur subsidi dapat diganti dengan harga padi sebenar yang menjamin pendapatan petani tidak terjejas dan harga beras tidak membebankan rakyat yang berpendapatan rendah. Di samping itu, tanaman perdagangan lain juga perlulah dimajukan.

Sebagai contoh, kita masih lagi mengimport bawang dan cili dengan kadar yang agak banyak sedangkan bahan-bahan ini boleh ditanam dan boleh hidup subur di negara ini. Justeru itu, peruntukan haruslah disediakan bagi meneroka aktiviti penanaman bahan ini secara yang meluas. Jika perlu subsidi atau lain-lain bentuk insentif hendaklah diberi bagi menjayakannya. Saya rasa

pemberian subsidi di sini tidak seharusnya dipandang dari segi sudut yang negatif. Kita tidak bertujuan untuk melahirkan masyarakat subsidi tetapi jika subsidi itu adalah untuk membolehkan negara berdikari saya kira itu adalah satu jalan yang baik. Tambahan pula kita lihat peruntukan subsidi yang diberikan seperti yang tercatat dalam Laporan Ekonomi 1984/1985 adalah kecil berbanding dengan peruntukan lain iaitu hanya 2.9% dan jumlah 2.9% ini pula termasuk pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Selain daripada subsidi atau insentif untuk petani, nelayan juga harus diberi layanan yang sama. Ini adalah kerana sektor ini juga turut memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Langkah ini dirasakan perlu bila masa kita melihat bahawa lebih kurang 40% daripada keperluan ikan negara masih kita import dan jika kita dapat menggalakkan dan memodenkan sektor ini tidak mustahil kadar import ikan akan dapat diminimakan walaupun tidak sampai ke tahap self-sufficient dengna izin. Insentif atau subsidi bagi sektor perikanan ini juga dikira penting dan perlu bagi membolehkan nelayan-nelayan kita keluar menangkap ikan ke laut dalam. Ini kerana kawasan sekitar 12 batu dari pantai telah diterokai berlebihan dan dari kajian yang didapati jumlah tangkapan ikan dapat ditingkatkan bila penerokaan dilakukan di kawasan melebihi 40 hingga 60 batu dari pantai. Untuk itu sudah pasti teknik-teknik dan kelengkapan moden diperlukan dan adalah sukar bagi para nelayan untuk meneroka kawasan ini tanpa adanya insentif dan bantuan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai dasar perindustrian negara kita. Sememangnya kita merasa bangga dengan pencapaian kita di dalam

sektor ini sehingga mampu melahirkan kereta buatan sendiri. Walau bagaimanapun, saya rasa kita perlu menentukan arah iaitu apakah tumpuan kita kepada perindustrian berat, pertengahan ataupun industri kecil. Hal ini saya ketengahkan kerana sebagai sebuah negara pertanian kita juga seharusnya memberi tumpuan dan galakan kepada perkembangan industri berasaskan pertanian dan industri-industri kecil sepertimana yang terdapat di kampung-kampung pada hari ini. Di samping itu dalam proses industrialisasi ini juga kita harus memastikan bahawa negara dapat faedah dari segi pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan haruslah juga diberi kepada penyediaan kemudahan asas kepada rakyat seperti kemudahan-kemudahan jalan raya, perumahan, elektrik dan bekalan air serta sekolah-sekolah dengan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan berkenaan. Jika kita lihat pada tahun lalu peruntukan untuk pengangkutan dan perhubungan telah dipotong sebanyak 19%, bekalan air dan elektrik 24% dan perumahan 10%. Adalah diharapkan Belanjawan tahun ini akan menambah peruntukan bagi kemudahan-kemudahan tersebut demi kebajikan rakyat. Ini adalah kerana masih ramai lagi rakyat di negara ini yang masih tidak merasai nikmat tersebut.

Mengenai masalah perumahan, memang terdapat satu kekurangan yang serius terutama rumah kos rendah. Oleh itu, peruntukan bagi sektor ini perlu ditambah bagi membolehkan rakyat memiliki rumah sesuai dengan dasar Kerajaan untuk memberikan rumah bagi setiap rakyatnya. Tambahan lagi sektor perumahan ini sekurang-kurangnya menyokong 100% industri tempatan dan dengan menguntungkan

peruntukan ke dalam sektor ini akan meransangkan ekonomi dan ketika yang sama memberikah rumah kepada rakyat.

Menyentuh mengenai perumahan ini juga, kita harus memastikan apakah benar-benar keperluan rakyat terhadapnya tidak mencukupi atau ada sebab-sebab lain di sebaliknya. Misalnya, baru-baru ini kita dengar terdapat rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam tidak dapat dijual kerana harganya yang tinggi. Jika harga yang tinggi ini disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan binaan dan jika kenaikan berpunca daripada cukai yang dikenakan maka perlulah cukai ini diturunkan atau dihapuskan sama sekali. Adalah tidak berfaedah untuk membina rumah-rumah yang tidak mampu dibeli oleh rakyat. Sementara itu di pihak institusi kewangan juga kerjasama mereka harus diminta dari segi kemudahan pinjaman perumahan dan faedah serta jangka masa bayaran yang berpatutan. Ini adalah kerana rumah adalah satu keperluan dan bukan lagi satu kemewahan.

Begitu juga dengan aspek pelajaran. Saya rasa peruntukan untuknya perlu ditambah. Ini kerana bilangan murid telah bertambah lebih pesat berbanding dengan bilangan tempat-tempat yang tersedia. Kita mengambil contoh Belanjawan 1985, walaupun pertambahan sebanyak 15% diberi berbanding dengan 1984, tetapi ini tidak dapat memenuhi keperluan bilik darjah yang semakin meningkat. Tambahan pula 75 sen daripada setiap \$1.00 peruntukan itu adalah untuk kos operasi dan hanya 25 sen sahaja untuk pembinaan bilik darjah dan peralatan.

Demi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih baik, saya kira keadaan ini perlu segera diatasi. Dengan secara ini, kita harap tidak akan terdengar lagi adanya murid-murid yang terpaksa menumpang dan

bersila ketika belajar. Sehubungan dengan itu adalah diharapkan peruntukan 1986 akan diguna atau dibahagikan secara yang lebih tepat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan suasana pengangguran di negara ini yang kelihatannya telah menuju kepada satu tahap yang membimbangkan. Ini ditambah pula dengan tindakan pihak-pihak dalam sektor perindustrian memberhentikan pekerja-pekerja mereka ekoran daripada kemelesetan ekonomi dunia. Keadaan ini perlu diberi perhatian kerana adalah dibimbangkan suasana ini akan menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat dan kaum buruh khususnya.

Dalam hal ini juga jika perlu siasatan harus dibuat apakah benar-benar pembuangan itu kerana pengaruh daripada kemelesetan ekonomi ataupun kerana pihak-pihak tersebut sebenarnya ingin mengekalkan paras keuntungan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat kurangkan sedikit ucapan masing-masing. Kalau kurangkan sedikit, kesemua yang berdiri itu ada peluang boleh berucap. Yang Berhormat dari Baling.

5.34 *ptg.*

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling);** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana dengan keizinanNya dapat kita semua hadir di Dewan yang mulia ini dan dapat pula kita bersama membahas Belanjawan tahun 1986 yang telah dibentangkan

oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang cekap dan pintar dalam menyediakan Belanjawannya yang sangat tinggi mutunya, dan mempunyai nilai yang sangat bernas serta dihormati oleh setiap rakyat jelata yang mengikut keadaan perkembangan negara yang dicintai dari semua kalangan dan lapisan. Pembentangan tersebut telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam keadaan tenang dan penuh tawaduk di samping beberapa kali melafazkan doa terhadap Ilahi agar dilindungi negara kita dari merbahaya dan mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara kita yang disayangi, yang mana sifat-sifat seumpama ini sangat dikehendaki oleh agama kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sedih dan perasaan terharu yang amat sangat di atas tuduhan dan kecaman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Wakil daripada Pengkalan Cepa di dalam perbincangan beliau pada dua hari yang lalu, kerana bukan sahaja mempunyai nilai yang sangat rendah dan tidak mempunyai mutunya langsung. Saya percaya isi ucapan beliau bukan dari hati yang baik atau fikiran yang bertulus ikhlas, bahkan dari nafsu yang buruk sangka dan rasa tidak puas hati dan bosan dengan kejayaan dan kekaguman sebuah parti pemerintah yang tidak putus-putus diberi kepercayaan oleh rakyat yang mempunyai penuh tanggungjawab dan fikiran yang Juas dan jauh.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan terhadap Kerajaan berpura-pura di dalam menjalankan tugas dan menggaris Belanjawan yang tidak mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t. dan berunsur keduniaan semata-mata adalah satu tuduhan yang melulu dan kejam. Saya percaya tidak ada sesiapa yang waras fikiran dapat menerimanya, khususnya tuduhan terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan berpura-pura berdoa

supaya mendapat keredhaan dan perlindungan daripada Allah s.w.t. di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana telah dilahirkan dalam ucapan beliau dalam membentangkan Belanjawan Kerajaan. Maka tidak hairan kalau ada tuduhan yang mengatakan bahawa parti PAS suka membuat fitnah, suka memecah-belah masyarakat, mengacau dan menghasut. Maka ini semua adalah sifat dan perangai orang yang rendah moral dan parti yang selalu mengalami kekalahan dan tidak mendapat kepercayaan dari rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan tahun ini ialah untuk memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan perbelanjaan negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam dan mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sejumlah \$30,812 juta bagi tahun 1986 telah bertambah \$1,621 juta atau kira-kira 6% dari peruntukan Belanjawan tahun 1985 untuk Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 1986. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan yang mana dengan berani dan tegas bagi menguasai supaya cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah" dan cogan kata "Kepimpinan Melalui Tauladan" diamalkan oleh setiap rakyat tidak kira di mana mereka berada dan walaupun apa pun keadaan taraf mereka berkhidmat dan bekerja sama ada bekerja sendiri atau swasta sama ada jawatan rendah atau tinggi kerana cogan kata di atas besar maknanya dan akan menentukan negara kita lebih makmur, bahagia dan dihormati, lagi disegani oleh negara-negara lain.

Oleh yang demikian, saya menyokong penuh atas pengawalan

ketat perbelanjaan pengurusan dan pembekuan pengisian jawatan kosong yang mewujudkan jawatan-jawatan baru, kecuali bagi jawatan penting sahaja. Di samping mengurangkan bilangan angka Perkhidmatan Awam melalui proses penswastaan dan peningkatan daya pengeluaran serta kecekapan pengurusan sektor awam. Mudah-mudahan perbelanjaan pengurusan akan dapat benar-benar diberi kepada mereka yang betul-betul menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan ganjaran diberi kepada mereka yang bekerja, memberi keuntungan yang lebih kepada negara dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, sifat abai dengan tugas dan tidak menjalankan tugas dan perkhidmatan dengan bersih, cekap dan amanah dan tidak mempunyai sifat kepimpinan melalui tauladan, bukan sahaja perkhidmatan yang diberi itu gagal dan binasa, bahkan kemusnahan dan kerosakan penbadi sendiri akan diterima dan keruntuhan kemakmuran negara akan turut serta.

Di dalam Islam kita akan disoal apa yang kita lakukan. Kita akan ditanya kepada apa yang kita pimpin, apa yang kita berkehendak kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu, marilah kita sama-sama menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab demi kebaikan diri kita sendiri, negara dan juga rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Pembangunan sebanyak dicadangkan bagi tahun 1986 iaitu sebanyak \$8,815 juta dicadangkan untuk sektor ekonomi, \$4,791 juta dan sektor sosial sebanyak \$2,626 juta adalah sangat menggalakkan dan sangat-sangat berpatutan. Atur cara kawalan pengurusan kewangan bagi perbelanjaan Kerajaan dan Agensi di Luar Belanjawan tidak sepatutnya berbeza, kerana keduanya memberi kesan terhadap imbalan pembayaran

dan kedudukan keseluruhan kewangan negara. Oleh itu, sistem amaran awal telah ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi menilai prestasi agensi-agensi itu. Bukan saja dapat mengurangkan sebanyak \$2 bilion dalam tahun 1986, bahkan prestasi perbelanjaan Kerajaan dan agensi-agensi di luar Belanjaan itu sendiri akan tersusun dan kemas.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tajuk utamanya yang sama akan bahaskan iaitu mengenai Dasar Ekonomi Baru yang memberi keutamaan untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah dialu-alukan. Apa yang saya hendak perkatakan tiap-tiap satu dasar yang dibuat dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah tiap-tiap seorang menentukan bahawa dasar itu berjalan dan mencapai matlamatnya mengikut jadual tertentu, terutama sekali pemimpin, akan lebih bertanggungjawab bagi menentukan pelaksanaan satu-satu dasar itu. Misalnya, Dasar Pertanian Negara, Dasar Pelajaran, Dasar Ekonomi Baru dan apa-apa dasar yang dibuat oleh Kerajaan bukan untuk mencegah, menyekat atau mengagalkan pelaksanaannya, bahkan sepatutnya sesama kita mencari jalan dan membuatnya supaya dasar-dasar itu sampai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 600,000 orang pekebun kecil dan petani dan 110,000 nelayan masing-masing mempunyai keluarga yang luas yang kebanyakan tinggal di kawasan pedalaman mundur, di tepi-tepi sungai dan di pantai, di tepi-tepi bukit dan lereng-lereng gunung berasa senang hati dan mempunyai harapan yang cerah terhadap peruntukan sebanyak \$1,616 juta untuk sektor pertanian yang mana \$635 juta disediakan untuk pembukaan tanah-tanah baru dan tanah terbiar, \$313

juta bagi projek-projek pertanian bersepadu, \$163 juta bagi pembangunan wilayah dan \$98 juta bantuan baja yang mana selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Dalam bidang ini apa yang kita berharap supaya seluruh petani, pekebun kecil dan nelayan akan menyahut seruan Kerajaan bagi menjayakan cita-cita dan hasrat Kerajaan yang murni iaitu untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup yang lebih baik. Menerusi Dewan ini saya berharap kepada semua petani, pekebun kecil, para usahawan kecil atau industri-industri luar bandar akan mendekati diri masing-masing dengan kakitangan Kerajaan dan agensi-agensi tertentu yang mana mereka ceburi supaya mendapat nasihat dan bantuan yang akan membuah dan berguna demi kebaikan di antara kedua pihak.

Pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan agensi-agensi hendaklah memainkan peranan dengan hati terbuka dan perih tanggungjawab dan dedikasi seperti yang telah diamanahkan dan dapat ditunaikan dengan sepenuhnya serta menjamin segala bantuan dan subsidi diberi, diterima oleh para pekebun kecil dan petani dengan erti kata sepenuhnya dan pihak pekebun kecil dan petani pula dapat menggunakan dan menikmati kemudahan dan bantuan tersebut demi untuk kebaikan jangka panjang masing-masing dan tidak melihat jangka pendek yang merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah mempunyai keluasan tanah yang keseluruhannya 9,414 km bersamaan dengan 948,778 hektar. Hampir separuh dari keluasan ini iaitu 458,837 hektar ialah kawasan pertanian getah dan padi, selebihnya 489,941 hektar digunakan untuk berbagai jenis kegunaan tanah bukan pertanian dan secara relatif negeri Kedah merupakan

antara negeri yang terkebelakang dari segi pencapaian tingkat pembangunan jika diukur dari segi sudut kuantitatif.

Secara purata sumbangan negeri Kedah kepada Keluaran Negara Kasar hanya sekitar 5%-6% walaupun keseluruhan KDNK negeri Kedah bertambah menggambarkan keupayaan ekonominya telah meningkat tetapi dari segi kadar pertumbuhan KDNK ianya bukan sahaja tidak stabil malah senantiasa lebih rendah dibandingkan dengan kadar pertumbuhan KDNK nasional tetapi negeri-negeri lain mengalami KDNK pada kadar yang lebih besar iaitu secara purata 5%-8%. Lebih khusus pendapatan per kapita negeri Kedah adalah kedua jika dibandingkan dengan per kapita negeri-negeri lain.

Penduduk negeri Kedah pada tahun 1980 seramai 1,078,000 orang dan dianggarkan pada tahun 1990 1,626,000 orang iaitu kadar pertumbuhan setahun 1.3%. Di antara tahun 1976-1983 iaitu 50% jumlah rumahtangga di Kedah berada di bawah paras kemiskinan yang mana terdiri daripada para petani dan nelayan berbanding dengan hanya 30%-70% bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu kemiskinan barangkali mempunyai kaitan dengan beberapa insiden yang pernah berlaku di Kedah khususnya di Baling dan Sik. Di antara lain juga lebih kurang 80,217 hektar tanah pertanian terbiar terus disebabkan oleh beberapa faktor manakala kawasan tanaman getah terdapat berpuluh-puluh ribu hektar kebun getah tua tidak lagi produktif dan layak ditanam semula dan di kawasan pendalaman negeri Kedah khususnya penaburan tanah-tanah berpotensi untuk pertanian tetapi diusahakan tanpa mempunyai hak milik atau geran seperti di Kuala Nerang, Sik, Baling dan juga Bandar Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap menerusi Dewan ini apa yang saya sarankan di atas tadi bagi mengatasi dan memajukan negeri Kedah Darul Aman dan kemakmuran rakyat jelata yang terkenal dengan jelapang padi. Diharap peruntukan yang akan diagihkan kepada negeri itu hendaklah memberi keutamaan mengenai keseluruhannya terutama sekali kemudahan yang asas seperti bekalan elektrik, air, jalan-jalan, jambatan-jambatan kecil, kemudahan persekolahan dan pembinaan rumah kos rendah, penyusunan semula kampung ala-cara baru.

Peruntukan Khas hendaklah dibuat kepada KEDA, MADA dan I.A.D.P. Bagi peruntukan agensi pembangunan di atas juga diharap akan dapat diberi wang manakala sesuatu kelulusan dibenarkan agak segera.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat mengalu-alukan kenaikan cukai rokok dari luar negeri dan cukai minuman keras dan perjudian dengan harapan kegiatan itu akan berkurangan dan berhenti terus setimbang dengan agama Islam agama rasmi negara dan menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bidang Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang mana rakyat negara mempunyai 60% belia, bukan sahaja asuhan dan pendidikan yang intensif hendaklah diberi bagi mengekalkan keharmonian dan identiti belia dijaga dan dikawal yang mana belia selalu terdedah dengan anasir-anasir yang tidak baik hasil dari didikan yang kurang memuaskan serta kawalan dan penjagaan yang kurang rapi. Antara lain tidak mempunyai pekerjaan yang menjamin masa depan mereka dan juga tidak ada acara tertentu bagi memenuhi masa lapang mereka maka saya berharap Kementerian akan membanyakkkan

kursus kemahiran, sivik, pertanian dan perniagaan. Peruntukan belia niaga dan belia peladang hendaklah dipulih semula dan diberi tambahan peruntukan lagi.

Di bidang sukan pula memandangkan kepada kegiatan para belia dari segi sukan terutama sekali belia di luar bandar, maka saya berharap semua mini stadium dan kompleks permainan yang dicadangkan di setengah-setengah daerah itu dapat didirikan segera dan juga diharap usahasama dengan Kerajaan-kerajaan negeri bagi menyediakan padang-padang permainan di tiap-tiap mukim bagi kegunaan para belia sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan Kementerian Pertahanan sebanyak \$216 juta bagi mempertahankan negara kita dicintai ini khusus kawasan utara, barat dan timur iaitu kawasan sempadan sama ada daratan, lautan dan udara. Pembelian alat-alat moden dan kapal peronda adalah mustahak memandangkan lanun kian bertambah. Kepada pasukan pertahanan saya mengucapkan syabas di atas menjalankan tugas dengan cemerlang.

Kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah diperuntukkan sebanyak \$269 juta, saya mengucapkan terima kasih di atas persediaan untuk mendirikan rumah kakitangan pasukan keselamatan dan rancangan menambah balai-balai baru dan penambahan unit-unit kawalan pasukan keselamatan terutama sekali di kawasan keselamatan di sempadan. Tetapi apa yang mendukacitakan saya iaitulah sifat tolak ansur yang berlebihan oleh pasukan keselamatan dan tidak percaya di atas perkhidmatan yang cemerlang dan sedia berkhidmat yang tidak dipraktikkan mungkin imej pasukan

keselamatan akan terjejas dan satu tragedi pertumpahan darah akan berlaku di kawasan Kampung Memali, Baling. Tetapi saya percaya dan berkeyakinan penuh kes tersebut dalam perhatian pihak Polis yang serius. Oleh itu menerusi Dewan yang mulia ini saya berharap satu tindakan tegas dan berhati-hati hendaklah dibuat segera, bak kata pepatah api kalau kecil menjadi kawan tetapi kalau besar menjadi lawan.

Tuan Yang di-Pertua, kes ini telah lama hampir 2 tahun berkembang yang tidak sihat dan merbahaya makin bertambah. Saya selaku wakil rakyat kawasan tersebut berharap kepada Y.A.B. Dato Musa selaku Menteri Dalam Negeri dapat menyelesaikan kes tersebut dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhiri ucapan saya, saya berharap kepada Kementerian Dalam Negeri dapat memagar kawasan sempadan Malaysia-Thai dengan segera dan membuat ketentuan perenggan yang betul supaya tidak berlaku kerugian kepada negara kita.

Mudah-mudahan dengan terbinanya pagar sempadan bukan sahaja akan dapat mengurangkan kegiatan pihak komunis, anasir-anasir yang tidak baik dan mencegah penyeledupan bahkan dapat ketentuan perenggan yang sebenar. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.38 *ptg.*

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua dapat membenarkan saya berucap sedikit bagi membahaskan Belanjawan 1986 pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan industri yang mana di dalam ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan perdagangan dan perindustrian selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat.

Saya ingin sentuh sedikit berkenaan dengan industri perkapalan di negara ini yang telah disentuh oleh sahabat saya dari Labis tadi. Kita semua maklum bahawa industri perkapalan di negara kita sedang berada di peringkat peralihan. Industri perkapalan mempengaruhi perkembangan ekonomi termasuk keselamatan negara kita kerana melalui perkapalan juga boleh mengakibatkan dan menjejaskan keselamatan di negara kita ini kerana kemasukan pekerja-pekerja luar negeri yang diberi kerja di bidang perkapalan negara kita.

Seperti sahabat saya yang bercakap tadi seolah-olah nasib Emak Si Randang, dagang lalu nasi ditanakkan; kera di hutan disusui, anak mati kelaparan,

Inilah yang kita takut industri perkapalan ini terjadi demikian kerana tidak lama dahulu dalam tahun 1984 Kementerian ini telah pun mengemukakan Rang Undang-undang Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1984 dengan tujuan untuk memastikan pembangunan perkapalan saudagar negara ini.

Apa yang menyedihkan kita ialah kebanyakan warganegara gagal menyertai bidang perkapalan, di samping itu tidak dapat memperluaskan jumlah pengangkutan mereka ataupun perkongsian mereka kerana tidak ada usaha di peringkat Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha khususnya

bumiputera di negara ini. Misalnya, memberi maklumat berkenaan dengan jenis-jenis perkapalan yang boleh diperniagakan dan di samping itu keselamatan.

Saya menyentuh perkara ini kerana terdapat di Langkawi, Kuala Perlis, Lumut di Perak dan mungkin di tempat-tempat lain, banyak di antara bumiputera yang terlibat dalam industri perkapalan ini. Bezanya ialah sama ada ianya kecil ataupun besar. Apa yang saya sedihkan ialah banyak juga bumiputera yang hendak melibatkan diri dalam industri tetapi ada sekatan-sekatan tertentu. Misalnya, kapal-kapal yang berusia lebih daripada 25 tahun yang berdaftar di luar negeri yang hendak dibeli oleh bumiputera amat susah untuk memperolehnya kerana sekatan-sekatan tertentu.

Oleh itu saya suka mencadangkan supaya Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat perkapalan usahasama, misalnya syarikat kapal itu yang didaftarkan di England dibenarkan memasuki perairan kita tetapi dengan syarat ianya hendaklah mempunyai saham lebih daripada setengah rakyat tempatan. Di samping itu kita mesti memberikan satu jaminan supaya di akhirnya syarikat tersebut bolehlah mengadakan perdagangan dua-hala.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarik perhatian saya ialah pengangkutan kargo atau penumpang-penumpang daripada mana-mana tempat dan pelabuhan lain atau dari mana-mana tempat dan pelabuhan Malaysia ke tempat-tempat di dalam zon ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun membuat pindaan mengawasi kapal yang berulang-alik dari pantai dan pelantar minyak tetapi masih lagi terdapat kapal-kapal asing menjalankan kerja mengangkut minyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini kerana banyak di antara pengusaha kapal persisiran tidak sebenarnya memahami maksud pindaan ini dan sebabnya ialah masih banyak lagi di antara pengusaha-pengusaha kapal ini terutama perkapalan persisiran pantai masih lagi tertumpu kepada aktiviti pengangkutan kargo kering.

Menyentuh dengan kesetamatan, satu usaha perlu dibuat oleh pihak Kementerian ini terutama Jabatan Laut memastikan bahawa kapal-kapal kecil di kawasan seperti Langkawi, Kuala Perlis, Lumut di Perak dan di tempat-tempat lain misalnya, melihatkan bahawa ianya terselamat daripada perkara-perkara yang boleh membahayakan. Misalnya barangan yang dibawa hendaklah berasingan dan apakah keselamatan yang perlu disediakan sewaktu berada di tengah-tengah laut dalam masa ribut. Dengan cara ini mungkin banyak lagi wujud kapal-kapal kecil ataupun pengusaha-pengusaha kecil di tempat yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan keselamatan di pelabuhan pula, saya ingin menarik perhatian Kementerian ini supaya dalam usaha Kerajaan untuk mengawasi pelabuhan, kakitangan ataupun pekerja-pekerja di pelabuhan perlu diberi perhatian yang sewajarnya dari segi masa depan pekerja-pekerja pelabuhan ini supaya tidak menimbulkan rasa kecurigaan mereka untuk memberikan khidmat sehingga tarikh Kerajaan menswastakan. Saya dapati pekerja-pekerja, sewaktu satu lawatan ke Pelabuhan Kelang beberapa bulan yang lalu, terutama di Pelabuhan Kelang, setakat ini masih dalam keadaan yang resah gelisah pekerja-pekerjanya kerana dengan usaha Kerajaan menswastakan pelabuhan kemungkinan mereka telah berumur 50 tahun dan mereka berasa agak

cemas kerana kemungkinan syarikat yang berjaya diterima oleh Kerajaan untuk menjalankan khidmat di pelabuhan tidak dapat menerima mereka untuk menjadi pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian ini yang mana ramai sahabat-sahabat saya tadi menceritakan berkenaan kemalangan yang begitu banyak tetapi ini lain pula, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihatkan beberapa buah negeri yang saya dapati ialah satu jabatan yang membawa banyak hasil kepada negara, iaitu cukai-cukai jalan tetapi jika dilihat dari segi keselisaan pejabat-pejabat JPJ ini amatlah memalukan. Setengah-setengah jabatan di setengah-setengah negeri di daerah seperti di Tapah sana, ada sebuah pejabat kecil JPJ, failnya melambak-lambak di atas lantai dan orang komplek. Kadang-kadang fail tidak dapat diperolehi—hitang; untuk memperolehi lesen memakan masa berminggu-minggu. Sebabnya ialah kerana kakitangan Jabatan tidak memberikan perasaan seronok untuk bekerja kerana perkara yang saya sebutkan di atas iaitu bangunan terlalu buruk, seperti di Tapah yang saya katakan tadi adalah disewa sebuah rumah Kerajaan dijadikan pejabat, itu tidak sesuai kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya ingin mengingatkan Kementerian ini juga supaya usaha hendklah dibuat agar menyelesaikan masalah mendapatkan lesen yang cepat selain daripada rumah-rumah yang disewa itu buruk ataupun ada di Ipoh pejabatnya, tetapi sudah ramai orang, jadi pejabatnya sudah kecil, lebih kurang bentuknya. Saya tidak nampak kenapa kita mesti membuat permohonan terus kepada Ibupejabat JPJ untuk mendapat lesen baru sedangkan pejabat JPJ ditempatkan di

seluruh daerah ataupun ada dizon-zonkan. Mereka tidak perlu untuk menghantar kad-kad itu ke Ibupejabat bagi mendapatkan lesen baru.

Sehubungan dengan perkara kemalangan jalan raya, saya menarik perhatian dengan usaha Kementerian ini untuk mewujudkan Mahkamah Lalulintas atau Traffic Court, dengan izin. Saya percaya jika Kementerian ini betul-betul dapat mewujudkan, Mahkamah tersebut akan dapat menyelesaikan beberapa masalah kemalangan kerana rakyat mempunyai keyakinan bahawa jika mereka melakukan sesuatu kesalahan jalan raya tindakan terhadap mereka adalah secepat mungkin. Tetapi sekarang ini ada kemalangan jatan raya yang kecil sehingga 7 tahun masih belum selesai lagi. Oleh itu orang-orang yang terlibat tidak mempercayai bahawa ia melakukan kesalahan kerana satu tindakan pun tidak diambil, lama sangat menunggu. Oleh itu saya berharap Kementerian ini akan dapat berusaha mewujudkan Mahkamah Lalulintas bagi menyelesaikan kes-kes kecil yang wujud setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kapalterbang MAS ini yang mana cukai arak telah dinaikkan tetapi kapalterbang MAS ini tidak mengikut penerapan nilai-nilai Islam yang mana masih lagi kapalterbang-kapalterbang MAS yang berulang alik dari Kuala Lumpur ke Bangkok, Kuala Lumpur ke Manila, Kuala Lumpur ke tempat yang berhampiran dengan negara kita ini, ke Jakarta dan di mana juga kapalterbang kita berada, masih lagi menjual arak-arak dalam botol. Jadi di manakah yang dikatakan nilai-nilai Islam telah menyerap ke dalam kapalterbang! Minuman ini bukan diminta oleh penumpang tetapi ditawarkan oleh pramugari yang bertugas. Bila ditanya, mereka

menjawab: Ia adalah sebahagian daripada latihan yang diberikan kepada kami.

Sesuai dengan hasrat pemimpin untuk menerapkan nilai-nilai Islam seperti yang dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin bahawa negara luar mengiktirafkan Malaysia sebagai negara Islam, maka saya berharap Kementerian ini dapat menjadikan kenyataan kepada usaha pemerintah iaitu pemimpin menjadikan negara ini negara Islam yang maju bukan kerana jualan arak tetapi kerana sikap kita yang tegas terhadap yang haram tetap haram.

Di samping itu saya juga berharap supaya Kementerian ini dapat mengarahkan MAS supaya dalam usaha melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam memulakan penerbangan dengan doa untuk keselamatan dan kesejahteraan penumpang-penumpang kerana doa itu tidak akan menjejaskan sesiapa pun kerana di dalam apa-apa agama sekalipun, ia mempunyai doa untuk keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan pencen yang dinyatakan dalam Belanjawan itu. Pencen ini telah pun diterangkan oleh Menteri Kewangan, pihak wanita bolehlah bersara apabila berumur 45 tahun. Mengapa tidak kita sarakan orang laki-laki setakat 50 tahun. Tetapi mereka boleh berhenti setakat 55 tahun. Kalau kita hendak mengurangkan pekerja-pekerja kita yang begitu banyak yang telah dinyatakan oleh Menteri Kewangan bahawa tiap-tiap 17 orang-orang Malaysia, seorang daripadanya adalah kakitangan Kerajaan dan begitu juga di negara-negara lain telah diterangkan, lebih ramai penduduk itu kurang kakitangan Kerajaan. Di sini saya dapat satu data iaitu di England penduduknya lebih 50 juta orang. Kakitangan Kerajaan satu juta sahaja.

Di Malaysia penduduknya 15 juta, kakitangan Kerajaan ialah 800,000 lebih, kalau campur 200,000 jadi satu juta. Banyak sangat pekerja-pekerja atau kakitangan Kerajaan di negara kita ini. Inilah yang membuat kita teruk. Kalau dapat dikaji balik Undang-undang Trade Union supaya mereka ini tidak lagi mogok, tidak boleh membuat mogok. Inilah Menteri mesti mengkaji semula supaya seluruh negara terasa yang pekerja-pekerja ini telah dapat nikmat, mereka juga tunjuk perasaan. Kita ini bukan England. Mogok-mogok ini adalah ala negara-negara barat, terutama di England.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikajikan pendapatan negara kita \$22 billion, tiap-tiap \$1 yang diperolehi 55 sen dibelanja untuk gaji, 45 sen untuk pembangunan. Untuk mengurangkan kakitangan yang terlalu banyak ini, saya mencadangkan jawatan baru jangan diisi.

Tuan Yang di-Pertua, MAMPU satu lagi unit di Jabatan Perdana Menteri sebagai perunding Kerajaan hendaklah diberi kuasa untuk membuat kajian di tiap-tiap jabatan Kerajaan termasuk badan-badan berkanun Kerajaan dan jika didapati jawatan yang berlebihan maka mereka itu hendaklah dihantarkan ke jabatan-jabatan lain yang memerlukan kakitangan tambahan. Apabila komputer telah wujud dalam negara kita ini, kita mustahaklah menggunakan komputer supaya mengurangkan kakitangan. Soal pengurangan jawatan hendaklah dilaksanakan. Jawatan yang berlebihan hendaklah diberitahu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya tindakan menyerapkan ke jabatan lain dapat dilaksanakan. Saya menyarankan bahawa persaraan umur 50 tahun yang diwajibkan itu adalah memberi peluang kepada graduan-graduan dan anak-anak negara kita

yang berhajatkan jawatan-jawatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sahaja lagi iaitu berkenaan dengan dadah. Pada pagi ini saya telah pun membaca suratkhbar—6 orang murid Sekolah Menengah Tun Dr Ismail, Petaling Jaya terlibat dengan dadah. Kita mengucapkan syukur alhamdulillah dan tahniah kepada Guru Besar itu yang telah dapat menangkap dengan cara mengejut anak-anak muridnya. Kita percaya kalau seluruh negara Guru-guru Besar mengambil tindakan seperti ini, tiada langsung murid-murid sekolah memakan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya terasa sedih juga apabila Timbalan Menteri Pertahanan semalam menjawab lebih kurang 1,000 tentera-tentera kita yang terlibat dengan dadah. Katanya ini tidaklah merosakkan tentera kerana sedikit. Tetapi pada pendapat saya 1,000 orang tentera ini samalah dengan satu batalion yang sudah terlibat dengan dadah. Kalau tentera Amerika di Vietnam sana mengelusur balik ke Amerika kerana dadah, kita jangan kata senang 1,000 orang, satu batation tentera yang diserap oteh dadah. Kalau sudah kena dadah apa pun tidak boleh buat. Senapang pun mereka tidak tahu, seluar dalam pun mereka tidak tahu hendak mencari lagi.

Saya percaya hukuman kepada pengedar dadah ditetapkan hanya satu, iaitu hukuman mati. Walaupun undang-undang ini telah ada, dadah tetap bermaharajalela, mengapa, Tuan Yang di-Pertua? Saya cukup hairan. Di harapkan dapat jawapan di Dewan ini. Kalau kita bertanya kepada Menteri-menteri yang berkenaan mereka berkata, "dadah tidak teruk sangat, dapat dikawal". Tetapi dadah tetap ada. Mengapa? Inilah menjadi tandatanya kepada

saya. Anjing digunakan untuk dadah, di kapal terbang mencari dadah. Kalau begitu, satu daripada cadangan saya, kalau dadah datang dari utara, bukan sahaja dadah, tetapi musuh-musuh negara tidak dapat masuk ke mari. Apa, Tuan Yang di-Pertua? Iaitu tanah sempadan di antara Malaysia/Thailand tidak usah dipagar seperti kata sahabat saya tadi, tetapi kita gondolkan. Yang tanah no man's land itu kita gondolkan, kemudian kita tayangkan senapang kita, siapa masuk bawa dadah, siapa komunis yang datang, kita tembak dia. Jadi tiada dadah dari utara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dia tidak bawa dadah, macam mana hendak tahu dia bawa dadah atau tidak bawa dadah?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Jadi asal ada orang hendak masuk, anjing kita tunggu, senapang kita tunggu. Bukan sahaja dadah, komunis pun tebus kita kerjakan, satu peluru satu musuh.

Selain daripada itu kenaikan-kenaikan gaji ini tidak usahlah kita layan. Kalau kita hendak berjimat cermat, kata pemimpin-pemimpin kita, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri susah hati mengenangkan belia hendak cari kerja. Semua orang hendak, sudah dapat kerja, hendak gaji lebih. Begini sahajalah satu penyelesaian. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun ada, rendahkan harga barang-barang makanan seharian itu. Gaji tidak usaha naik, orang kampung senang, kakitangan Kerajaan pun senang. Ini satu daripada cadangan saya, bagaimanakah caranya, buatlah. Orang sudah banyak menganggur. Hidupkan balik Buku Hijau. Buku Hijau telah dibuat, dicipta oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul

Razak, lepas itu ada ternampak sedikit imbasan-imbasan beberapa tahun yang sudah, hilang begitu sahaja. Cuba kita perkuatkan maka sayur murah, ayam murah, jadi rakyat tidak hendak minta naik gaji.

Itulah sahaja, saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jerai.

*6.08ptg.*

**Tuan Ismail bin Arshad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dan bersyukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala kerana berpeluang untuk bersama-sama memberi pandangan dan pendapat dalam Belanjawan yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut strategi yang dibentangkan dan menurut falsafah yang dihuraikan, maka Belanjawan yang dinyatakan sebagai berthemakan menentang kemelesetan adalah satu yang amat wajar pada saya. Walaupun ada kalangan dan pihak yang menganggap Belanjawan untuk pilihanraya, belanjawan untuk tidak pilihanraya dan sebagainya, pada saya hendak pilihanraya pun adakanlah, tidak hendak pun sudah, pergi jahanam. Kalau hendak diadakan esok pun tidak jadi hal kerana kita sentiasa lebih banyak memperkatakan sesuatu yang menjadi imagine bagi kita, sedangkan apa yang menjadi perhatian serius harus kita berikan ialah setiap ringgit yang dibelanjakan dalam Belanjawan ini akan memberi manfaat dan faedah yang maksima kepada kesejahteraan rakyat, kepada penyelesaian masalah kemelesetan, kepada meningkatkan pendapatan dan menyelesaikan berbagai-bagai masalah dan perkara yang menjadi perbincangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya dapati apabila kita bercakap tentang menentang kemelesetan berertilah kemelesetan yang sedang kita hadapi sekarang ini akan menjejaskan berbagai-bagai keadaan dan implikasi yang amat berat kepada semua pihak, terutama sekali kepada sektor-sektor yang berpendapatan rendah ataupun sektor-sektor miskin di kalangan luar bandar.

Dan dengan kerana itu bagi kita saya rasa tidak wajarlah kita memperkatakan sesuatu ataupun merupakan penentangan terhadap kalangan-kalangan yang berpendapatan rendah sama ada kumpulan daripada nelayan-nelayan, petani-petani, pekebun-pekebun kecil ataupun kumpulan pekerja-pekerja daripada kumpulan D dan C. Kerana biasanya kumpulan yang berpendapatan rendah ini apa sektor jua pun akan menghadapi tekanan daripada kemelesetan ekonomi negara di mana ianya akan mengakibatkan berbagai-bagai faktor yang saya katakan tadi, termasuklah inflasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita dapati bahawa setiap tahun Belanjawan dibentangkan terdapat banyaknya peruntukan diberikan kepada sektor pertanian dan sektor membasmi kemiskinan dan juga sektor-sektor yang dapat meningkatkan ekonomi mereka daripada taraf yang rendah kepada taraf yang dapat menjamin kehidupan semasa.

Kalau kita lihat bahawa pertanian diperuntukkan \$1,668 juta dan diperuntukkan \$635 juta untuk pembangunan tanah terbiar, \$313 juta untuk pembangunan pertanian bersepadu, \$163 juta untuk pembangunan wilayah, \$98 juta untuk bantuan baja dan \$185 juta untuk bantuan padi, dan begitu juga untuk sektor membasmi kemiskinan \$2,861

juta termasuk \$500 juta untuk projek menyusun semula masyarakat.

Apa yang kita lihat di sini, begitu banyak peruntukan diletakkan, seperti saya katakan tadilah, apa yang perlu ialah kita memberi penilaian apakah setiap sen dan setiap ringgit yang diperuntukkan itu akan memberi manfaat dan kesejahteraan sepertimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya kerana bercakap dengan cepat dan laju ini kerana hendak mengejarkan masa kerana takut saya tidak dapat memberikan pandangan saya ini dengan lebih wajar sepertimana yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, daripada peruntukan belanjawan yang diperuntukkan, saya sentiasa bercakap di Dewan ini berkali-kali, soalnya apakah kekesanan setiap ringgit yang dibelanjakan itu memberi manfaat. Di dalam sesebuah negara kerapkalnya, di mana-mana juga negara, untuk mencapai kejayaan mestilah mempunyai perancangan dan polisi yang dibuat oleh Kerajaan; mestilah pelaksanaan yang dibuat oleh jentera agensi-agensi Kerajaan itu sendiri berjalan dengan sempurna dan wajar; dan mestilah juga kumpulan sasaran yang kita kehendaki itu dapat memahami sedalam-dalamnya tentang perancangan dan polisi untuk dapat melibatkan diri dan menyertai semoga perancangan itu akan memberi manfaat yang maksima seperti yang saya katakan tadi.

Tetapi dalam hubungan ini, saya dapati kerap kali komunikasi ini masih lagi menjadi jurang perbezaan, komunikasi di antara golongan yang merancang polisi dan dasar, komunikasi di antara pelaksanaan dan sasaran yang dikatakan. Apabila terdapatnya jurang komunikasi ini sudah tentulah matlamat yang diharapkan tidak sampai kepada

tujuan dan matlamatnya. Apa yang saya dapat memberikan contoh dan penjeiasan di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita katakan ada dasar "Buku Hijau" seperti yang disebutkan oleh rakan kita tadi, walaupun kita dapati beribu-ribu juta ringgit diperuntukkan untuk pertanian, tetapi kita dapati masih beratus ribu hektar lagi tanah terbiar yang sedang wujud, masih lagi kita kedapatan dikalangan petani kita yang kita belanja begitu banyak, terdapatnya kemiskinan yang kalau dibandingkan, dalam tahun 1980, 45.7% tetapi dalam tahun 1983 telah meningkat kepada 54.9%. Ini menunjukkan bahawa setiap ringgit yang kita belanja kurang memberi manfaat, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk itu sukalah saya menarik perhatian di Dewan ini supaya kita menyedari hakikat ini. Setiap pihak mesti mempunyai rasa tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini supaya setiap ringgit yang dibelanjakan benar-benar memberi manfaat dan faedah.

Tetapi sayangnya kalau kita lihat di sini, mengikut apa yang ada pada saya ini sebanyak \$4,916.8 juta merupakan major food imports daripada luar negeri ke dalam negeri ini. Sedangkan kita belanja beribu-ribu juta ringgit untuk menyelesaikan masalah ini, sekurang-kurangnya kita dapat menjelaskan bahawa kita sedang mendapati peluang-peluang penyertaan, kita mendapati peluang-peluang untuk memenuhi keperluan yang banyak ini boleh kita agihkan di dalam negara kita sendiri. Jadi sekiranya, Tuan Yang di-Pertua izinkan, suka saya memberikan angka-angka di sini:

<i>Barangan</i>	<i>Harga Import</i>
	\$
Rice .. .. .	236 juta;
Wheat .. .. .	250 1 juta;
Rawsugar . . . .	370 juta;

<i>Barangan</i>	<i>Harga Import</i>
	\$
Beef .. .. .	51.8juta;
Poultry .. .. .	13.4juta;
Animal for food .	40.3 juta;
Milk&Cream .. .	277.1 juta;
Butter .. .. .	49.8 juta;
Onion .. .. .	53.8 juta,
Potatoes .. .. .	25.6 juta;
Garlick .. .. .	45.9 juta;
Redbean .. .	21 juta;
Fresh Orange.. ..	27.6 jula;
Fresh Apples .. ..	50.1 juta;

dan banyak lagi—kalau saya hendak baca di sini itu agak panjang—termasuklah jagung—\$330.2 juta. Sedangkan di negara kita ini kita boleh memajukan dengan setiap ringgit yang kita belanjakan tadi untuk membangunkan tanah terbiar untuk memajukan sektor ekonomi petani, untuk memajukan pendapatan yang boleh memberikan pertumbuhan kepada ekonomi negara.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan supaya mulai dari hari esok Kementerian-kementerian yang lain yang berkaitan segera menubuhkan penal perunding di tiap-tiap negeri dalam negeri ini khususnya untuk agensi-agensinya yang terlibat dan duduk semeja membincangkan masalah setiap ringgit yang dibelanjakan ini untuk mendapatkan setinggi-tinggi manfaat dan faedah. Kita dapati hari ini, macam saya sebutkan tadi, bahawa peluang-peluang penglibatan, peluang pasaran tidak begitu disampaikan. Dan apabila tidak disampaikan, rakyat sendiri tidak tahu di mana dapatnya wang yang dia boleh sumbangkan dari pada penghasilan titik peluhnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan sedikit di sini kerana saya tidak ingin

mengambil masa yang panjang tentang usaha-usaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan mendapatkan imbalan pembayaran bagi negara kita ini. Walaupun mengikut Belanjawan yang dibentangkan, kita dapati sudah banyak pendapatan lebih daripada eksport import yang telah berlalu, tetapi kita harap bahawa kita sebagai sebuah negara pertanian, dan kita juga sedang menuju ke arah sebuah negara perindustrian, kita perlu mempunyai pasaran yang lebih luas di dunia. Ini telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila rombongan-rombongan ke luar negeri kerapkalinya banyak yang ikut bersama untuk hanya dapat menunjukkan di televisyen yang mereka adalah bersama Perdana Menteri sebagai orang yang rapat. Tetapi dari pengalaman saya, apabila saya berada di negara Eropah dalam dua, tiga bulan yang lepas, nampaknya apa yang telah diusahakan dan dibelanjakan begitu banyak wang kerana galakan perdagangan tidak membawa banyak kekesanan. Kita dapati banyak bijih timah, getah dan juga kelapa sawit di pasaran Timur Tengah kebanyakannya dibeli dari pasaran EEC di Eropah. Di pasaran EEC apabila ditanya, ia dapat menerusi Singapura; apabila Singapura ditanya, ia dapat daripada Malaysia. Mengapa Malaysia tidak boleh menjual terus sedangkan kita banyak menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke luar negeri?

Jadi dengan ini saya suka mencadangkan supaya Kerajaan mengambil tindakan segera untuk menubuhkan Lembaga Perdagangan Luar Negeri Malaysia. Dengan penubuhan Lembaga ini dapatlah Lembaga ini menubuhkan konsortium eksport import Malaysia dan menjalankan urusan dagangan, bukan sahaja urusan dagangan secara counter-trade ataupun barter trade

kerana kadangkala counter trade/barter trade ini "jam". Sebabnya katalah kita membeli beras daripada Thailand sebanyak \$236 juta yang saya sebutkan tadi, kita suruh Thailand membeli barangan kita, ia tidak hendak sebab barangan-barangan di Thailand termasuk buah-buahan dan lain-lain adalah lebih murah. Bila barangan ini lebih murah bererti kita terpaksa membeli beras daripada Thailand, tetapi barangan kita tidak dapat memberi apa-apa ke Thailand kecuali sedikit minyak yang kita dapat berikan.

Sebaliknya, kita boleh tanya Thailand apa yang dia hendak, oleh kerana perusahaan padi banyak di Thailand dan mungkin Thailand berkehendakkan guni ataupun jute, bererti kita boleh mendapatkan jute daripada India ataupun Bangaladesh untuk dihantarkan ke Thailand dan sebagai janji kita mengambil jute daripada Bangaladesh ataupun India, kita memaksakan dia mengambil pula minyak kelapa sawit atau getah kita. Jadi perniagaan secara triangle ini adalah amalan yang dibuat oleh negara-negara maju di dunia, dan saya dapati negara Sweden sendiri telah mengeksportkan barangan-barangan elektroniknya ke Korea. Apabila dieksport barangan elektronik ke Korea, Korea memaksa dia mengambil barangan Korea, tidak ada satu pun barangan Korea yang boleh dibawa balik ke Sweden untuk digunakan, kecuali dia dapati plastik beg, dan plastik beg ini juga tidak digunakan di Sweden. Tetapi dia mencari pasaran dan terdapat pasaran di Afrika di mana negara di Afrika menghendaki plastik beg ini bagi kegunaan untuk koko dan sebagainya. Dan untuk timbalbalas pula kepada negara Afrika yang mengambil plastik beg tadi barulah Sweden membeli koko daripada Afrika ke Sweden.

Jadi perniagaan yang secara triangle lebih menguntungkan jika kita

berkehendakkan bahawa perkembangan ekonomi kita dapat ditingkatkan di segi dagangan antarabangsa dan dengan inilah saya katakan tadi bahawa saya mencadangkan supaya Kerajaan segera menubuhkan Lembaga Perdagangan Luar Negeri ini untuk tumpuan khas kepada menjayakan matlamat dan hasrat yang saya katakan tadi dan bukan sahaja Lembaga ini untuk menjalankan urusannya terhadap pemasaran barangan dagangan yang sedia ada, tetapi kita juga dapat mencari peluang-peluang keperluan di luar negeri yang kita boleh merancang untuk pertumbuhan di dalam negeri, termasuklah bidang pertanian dan sebagainya.

Misalnya, sekarang ini di negara kita ini sesuai dan boleh ditanam dengan kobis yang mendapat pasaran di Singapura dan juga di Hongkong, sedangkan perkara ini kita tidak melihatnya beratus-ratus jufa kita boleh memasarkan untuk pasaran antarabangsa untuk keperluan sayur-sayuran sedangkan negara kita boleh merancang mengeluarkan sayur-sayuran ini berdasar beribu hektar tanah terbiar yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah dua perkara besar yang saya sentuh di sini dan satu perkara lagi ialah mengenai hak istimewa. Banyak wakil-wakil yang bercakap di sini menyentuh tentang hak istimewa. Saya tidak akan bercakap banyak atas perkara ini. Soal ini sebagai keputusannya senang sahaja, kalaulah dahulu semasa perkahwinan mas kahwin merupakan di antara ijab kabul untuk sesuatu perkahwinan. Jadi saya rasa cukuplah setakat hari ini jangan dibangkit-bangkitkan lagi bahawa mas kahwin tentang hak istimewa orang Melayu itu telah termaktub di dalam surat nikahnya iaitu Perlembagaan Negara sebagai tolak-ansur di antara orang bukan

bumiputera yang kita terima menjadi rakyat negara ini dan bukan bumiputera juga menerima hak istimewa orang Melayu di negara ini. Kalau sekiranya soal ini diperbincangkan semula seperti kita akan bercerai, kalau sanggup menerima risiko perceraian, sila tepuk dada, tanya selera; jika tidak, usah iagi diperkatakan soal ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, cukuplah hujah saya dan saya berharap apa yang saya sarankan ini akan mendapat perhatian dan bukan sahaja merupakan sebagai orang menjual ubat di sini kerana sudah banyak perkara-perkara yang kita bercakap, tetapi hilang begitu sahaja, tidak bermaknalah Parlimen ini untuk menjadi tempat menyuarkan pandangan dan pendapat bagi perlaksanaannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Sepang, saya harap Yang Berhormat boleh habiskan pada pukul 6.30 petang.

6.23 *ptg.*

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin (Sepang):** Lima minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Oato Haji Kamaruddin:** Saya akan cuba sedaya upaya untuk menyampaikan pendapat saya dalam masa 5 minit.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah pun diperkatakan di atas Budget kita ini. Walau bagaimanapun, sama ada Budget ini berjaya atau tidak pada pendapat saya sebahagian besarnya akan bergantung kepada betapa hebatnya response daripada pihak swasta. Kalau pihak swasta tidak memberi sesuatu response yang positif, maka kemungkinan besar

Budget kita tidak akan dapat mencapai matlamat dan cita-cita yang baik. Oleh itu maka tidaklah menghairankan bahawa Budget kita banyak memberi galakan-galakan ataupun insentif kepada pihak swasta supaya melalui insentif-insentif ini pihak swasta akan memberi suatu response yang positif, yang bermakna terhadap apa-apa yang dihajati melalui Budget kita yang ada dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini. Tetapi suatu perkara yang menarik perhatian saya dalam Budget ini ialah insentif-insentif yang diberikan amat berkurangan terhadap pihak yang mendapat pendapatan rendah iaitu terutamanya pihak pak tani dan nelayan.

Boleh dikatakan sebahagian besar daripada insentif-insentif yang termaktub, yang ada dicadangkan di dalam Budget ini tidak menyentuh kepada insentif yang diberi kepada pihak berpendapatan rendah iaitu pak tani dan nelayan, mungkin oleh sebab apabila kita menyebut tentang pihak swasta, terutama di bidang pembinaan dan sebagainya, kita menggunakan istilah insentif sebagai menggalakkan pengeluaran ataupun, dengan izin, productivity. Tetapi apabila kita berdialog ataupun menyentuh perkara ini dengan pak tani, dengan nelayan, kita tidak menggunakan istilah insentif atau galakan, tetapi sebaliknya kita menggunakan istilah bantuan ataupun subsidi.

Saya hendak membuat suatu pertanyaan apakah sebenarnya perbezaan insentif dan subsidi, adakah suatu perbezaan yang pokok di antara insentif yang kita gunakan kepada mereka yang agak berpendapatan tinggi dalam pihak swasta yang golongan berpendapatan tinggi dan pertengahan dengan kita gunakan istilah bantuan ataupun subsidi apabila kita berhadapan dengan golongan yang berpendapatan rendah.

Pada pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, istilah insentif dan subsidi ini tidak ada langsung besar perbezaan maknanya. Benar apabila kita menggunakan istilah insentif, Kerajaan tidak keluar wang iaitu kita potong daripada bayaran yang sepatutnya diberi katalah, seorang manufacture, seorang pembina, seorang pekilang dia patut beri cukai \$100, kita kata kita beri dia insentif 50%, maknanya dia perlu bayar \$50 sahaja, \$50 tidak payah bayar, sedangkan kalau kita gunakan istilah subsidi, katalah kita hendak memberi subsidi kepada seorang pak tani iaitu \$50, pak tani itu tidak memberi wang \$50 itu kepada Kerajaan, Kerajaan memberi \$50 kepada pak tani ataupun nelayan. Itu sahaja perbezaannya, tetapi dari segi objektifnya, dari segi amalannya, dari segi kekesanannya Kerajaan hilang \$50 sama ada pihak pembinaan itu tidak memberi wang \$50. Kita katakan insentif dengan Kerajaan memberi \$50 kepada seorang pak tani atau nelayan, hasil kedua-duanya sama ada insentif ataupun subsidi Kerajaan kurang \$50, itu sahaja. Jadi saya fikir lebih baik kita jangan guna perkataan subsidi ini, kita gunakan insentif sahaja keseluruhannya.

Jika kita berbincang dengan pihak pembina pun kita guna insentif, dengan pak tani dan nelayan pun kita gunakan insentif. Jadi saya cadangkan di sini supaya kita memberi galakan dan insentif kepada nelayan, kepada pak tani. Sebagai contoh apa kata kita beri dia insentif enjin dan jala ataupun pukut untuk menambahkan produktiviti dia, daya pengeluarannya di dalam keadaan ekonomi yang sedang merosot ini, sekurang-kurangnya dengan insentif dan galakan enjin sangkut tadi, dengan jala tadi ataupun pukut dia dapat meningkatkan pendapatannya, yang mana sekarang kita telah memberhentikan insentif ini kerana kita kata ini subsidi bukan insentif.

Jadi saya mencadangkan kita insentifkan subsidi tadi (*Ketawa*).

Saya mencadangkan satu lagi dalam keadaan kemerosotan ekonomi ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita memberi suatu harga jaminan, dengan izin, guaranteed minimum price, harga minima yang dijamin kepada bahan-bahan pak tani dengan nelayan seperti ikan, seumpamanya,

Saya mencadangkan Kerajaan mengamalkan suatu sistem di mana harga-harga ikan diberi suatu harga minima yang terjamin supaya ini merupakan suatu insentif kepada nelayan-nelayan kita yang pergi ke laut bila dia menangkap ikan, dia tahu berapa banyak dia boleh dapat sebagai punca pendapatannya dia, lagi banyak ikan dia tangkap, lagi banyak hasii dia

dapat kerana apa juga ikan yang ditangkap dia tahu harganya dan harganya terjamin dan mesti dibeli. Begitu juga dengan sayur-sayuran dan sebagainya. Jadi saya mencadangkan supaya Kerajaan mengamalkan sistem guarantee minimum price kepada ikan, sayur-sayuran dan apa juga bahan-bahan pengeluaran pak tani dan nelayan sebagai suatu cara mengatasi kemiskinan yang dilandai oleh mereka ini di dalam keadaan kemerosotan ekonomi. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*